



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 8 DISEMBER 2021

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6. 7. 8. 9. 10. 11.	MAFI MEMACU TRANSFORMASI GALAK PENANAMAN SENDIRI, BH -ONLINE GOVT TO IMPORT CHICKEN WITHIN 2 MONTHS, NATION, KWONG WAH YIT POH - A14b DON'T DOUBT HALAL STATUS OF IMPORTED CHICKEN - RONALD KIANDEE, NEWS, MALAYSIAN NANBAN -12 NO NEED TO DOUBT HALAL STATUS OF IMPORTED CHICKEN, SAYS MINISTER, HOME, BORNEO POST (KUCHING) -8 ORANG TENGAH PUNCA HARGA NAIK 100 PERATUS, BH -ONLINE AYAM IMPORT DIJAMIN SELAMAT DAN HALAL, NEGARA, KOSMO -6 TIADA ISU KARTEL AYAM, BEKALAN DISAHKAN HALAL, NASIONAL, SH -22 ASSURANCE ON HALAL IMPORTED CHICKEN, NEWS WITHOUT BORDERS, NST -3 'PRICEY VEGE DUE TO HIGH COSTS OF FERTILISERS', NATION/NEWS, NST -7 TETAPKAN HARGA SILING RM8.30 SEKILOGRAM, NEGARA, KOSMO -16 AMARAN PENIAGA AYAM ENGGAN PATUHI KAWALAN HARGA, NEGARA, KOSMO -16	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
12. 13.	INDUSTRI PERIKANAN NEGARA SUMBANG 0.8 PERATUS KDNK, UM -ONLINE CALL TO STAND FIRM BEHIND CM IN FIGHT FOR MA63 RIGHTS, HOME, BORNEO POST (KK) -3	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
14.	TEKNOLOGI PINTAR GREENKIT BERTERANGA RM50, NASIONAL, BH -17	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
15.	MADA DIDAKWA GAGAL, PETANI KECEWA, DALAM NEGERI, UM -32	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
16. 17. 18. 19. 20. 21. 22. 23. 24. 25. 26. 27. 28. 29. 30. 31. 32. 33. 34. 35. 36. 37. 38.	'PESTA UBI' SETAHUN SEKALI, DALAM NEGERI, UM -32 LULUSAN UNIMAS TERNAK SATU JUTA IKAN KELI, DALAM NEGERI, UM -31 RAIH RM3,000 JUAL IKAN DARAT MUSIM BAH, DALAM NEGERI, UM -31 SELENGGARA SEGERA SISTEM SALIRAN ELAK SAWAH DITENGGELAMI BANJIR, NEGARA, KOSMO -18 MAJLIS TINDAKAN SARA HIDUP BERSIDANG KHAMIS TANGANI ISU HARGA BARANG, BH -ONLINE MAJLIS TINDAKAN SARA HIDUP NEGARA BERSIDANG ESOK, NEGARA, KOSMO -4 SAHUT CABARAN UNTUK BERGELAR USAHAWAN TANI, BISNES, SH -30 TANAM SAYUR JANA PENDAPATAN SAMPINGAN, LOKAL, HM -21 PROGRAM JUALAN KELUARGA MALAYSIA TARIK 28,985 PENGUNJUNG, NASIONAL, SH -14 JADIKAN KEBUN BANDAR BARISAN HADAPAN SEKURITI MAKANAN, KOMENTAR, BH -11 NACCOL PERINCI LANGKAH BANTU RAKYAT, NASIONAL, BH -3 IDLE, RESERVE LAND TO BE FARMED TO ADDRESS FOOD SECURITY, NEWS, THE STAR -4 GIVE INCENTIVES TO YOUNG FARMERS, SAYS MALIM NAWAR YOUTH ASSEMBLY REP, NEWS, THE STAR -4 SKIM HARGA DILANCAR, MUKA DEPAN, UM -1 PEMBORONG RAYU JANGAN IMPORT AYAM, DALAM NEGERI, UM -12 PEMBEKAL DAN PENIAGA AYAM BERI ALASAN DEDAK NAIK HARGA, NEGERI KELANTAN, SH -26 MANIPULASI ORANG TENGAH PUNCA HASIL PERTANIAN MELAMBUNG, MUKA DEPAN, BH -1 LAKSANA SHMKM STABIL HARGA BARANG, NASIONAL, BH -16 PETANI DIMINTA MANFAAT TEKNOLOGI TINGKATKAN HASIL, NASIONAL, BH -16 STATUS HALAL AYAM IMPORT DIPANTAU 3 AGENSI, NASIONAL, BH -16 TERNAKAN BERSKALA BESAR ATASI HARGA TINGGI, K2, KOSMO -22 HARGA AYAM TURUN BAWAH RM9 SEKILOGRAM, LOKAL, HM -9 DAPAT STABIL HARGA AYAM, LOKAL, HM -9	LAIN-LAIN

UKKMAFI

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/12/2021	BERITA HARIAN	ONLINE	

MAFI memacu transformasi galak penanaman sendiri



Datuk Seri Dr Ronald Kiandee. - NSTP/Asyraf Hamzah

KUALA LUMPUR: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) sedang memacu transformasi bagi menggalakkan industri penanaman sendiri dalam tempoh 10 tahun lagi, sekali gus tidak lagi bergantung kepada bekalan import.

Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee,

berkata bagi menjayakannya, kementerian perlu menarik lebih banyak pembabitan swasta dan pemain industri, serta memudahkan prasarana, pemasaran dan dana yang boleh dikemukakan dengan bantuan institusi perbankan.

"Memang diakui Pusat Fidlot Nasional (PFN) yang dibangunkan lebih sedekad lalu gagal, namun dengan Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0), usaha agresif akan dilakukan bagi menggalakkan pembabitan besar-besaran syarikat swasta, sekali gus meningkatkan tahap sara diri (SSL) daging negara.

"Ketika ini, SSL susu 63 peratus iaitu kita banyak mengimport susu yang diproses, cecair dan susu tepung dari luar kerana berdepan cabaran mengkomersialkan tanah berikutan penanaman negara ini lebih tertumpu kepada tanaman komoditi hingga tidak ramai mahu melabur dalam industri ternakan sama ada untuk daging ataupun tenusu," katanya kepada BH.

Beliau berkata, selain itu, isu penggunaan tanah adalah antara cabaran terbesar menyebabkan ramai cenderung mengusahakan tanaman komoditi.

"Bagaimanapun dengan DAN 2.0, kita akan meningkatkan penghasilan bekalan makanan ruji negara iaitu beras dijangka meningkat daripada 63 peratus kepada 80 peratus, sumber protein utama iaitu daging ayam dan ikan akan terus dipertingkatkan ke tahap 140 peratus dan 98 peratus.

"Dalam pada itu, sumber nutrisi, sayur-sayuran dan buah-buahan diunjur meningkat ke tahap 79 peratus dan 83 peratus masing-masing pada 2030. Selain itu, penekanan khusus akan diberikan dalam mempertingkatkan tahap SSL daging lembu kepada 50 peratus dan susu segar ke tahap 100 peratus menjelang tempoh sama," katanya.

Kiandee berkata, dalam 10 tahun lagi, Malaysia akan menghasilkan sendiri cili, bawang serta tanaman lain, sekali gus tidak perlu lagi bergantung kepada bekalan import.

"Justeru, penyertaan sektor swasta dalam pertanian berskala besar dan berteknologi tinggi dengan pengurusan agronomi terbaik.

"Ini kerana sektor swasta memainkan peranan penting sebagai ejen perubahan atau pemangkin transformasi sektor pertanian moden, dinamik dan berdaya saing," katanya.

Bagaimanapun, katanya, ketika ini pelaburan swasta dalam industri agromakanan kurang menggalakkan berbanding industri perladangan, pembuatan dan perkhidmatan.

"Ini antara lain disebabkan kadar dedahan risiko lebih tinggi termasuk ketidaktentuan faktor cuaca dan harga pasaran, tempoh kematangan panjang, kerumitan proses perolehan tanah pertanian serta tawaran insentif kurang menarik.

"Justeru, bagi menggalakkan pelaburan swasta, ekosistem yang lebih mesra perniagaan, telus, menyokong inovasi dan berdaya saing serta peluang perniagaan yang lebih menarik perlu diwujudkan.

"Dasar, peraturan dan prosedur perniagaan sedia ada perlu dikaji semula bagi menggalakkan dan memacu pelaburan swasta dalam industri agromakanan," katanya.

Pada masa sama, katanya, usaha kerajaan sebagai pemudah cara perniagaan akan dipertingkatkan melalui penambahbaikan sistem penyampaian kerajaan dan khidmat sokongan.

"Ini termasuk usaha memperkukuh kerjasama dengan kerajaan negeri dan kerajaan tempatan terutama berkaitan perolehan dan agihan tanah untuk aktiviti pertanian.

"Selain menyediakan dan melengkapkan infrastruktur pertanian bagi kemudahan pelabur, langkah inovatif juga akan dilaksanakan untuk menambah baik insentif sedia ada dan menyediakan insentif baharu dalam aktiviti pertanian pada peringkat hulu dan hiliran," katanya.

BH sebelum ini melaporkan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) bakal memperkenalkan model pertanian pintar yang boleh dilaksanakan dalam skala kecil, sederhana atau besar sebagai strategi meningkatkan pengeluaran sayur-sayuran negara, bermula tahun depan.

Inisiatif itu turut bermatlamat menangani isu kekurangan bekalan sayur, perubahan iklim dan bencana alam, sekali gus membantu menstabilkan harga di pasaran.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/12/2021	BERITA HARIAN	ONLINE	

MAFI memacu transformasi galak penanaman sendiri



Datuk Seri Dr Ronald Kiandee. - NSTP/Asyraf Hamzah

KUALA LUMPUR: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) sedang memacu transformasi bagi menggalakkan industri penanaman sendiri dalam tempoh 10 tahun lagi, sekali gus tidak lagi bergantung kepada bekalan import.

Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, berkata bagi menjayakannya, kementerian perlu menarik lebih banyak pembabitan swasta dan pemain industri, serta memudahkan prasarana, pemasaran dan dana yang boleh dikemukakan dengan bantuan institusi perbankan.

"Memang diakui Pusat Fidlot Nasional (PFN) yang dibangunkan lebih sedekad lalu gagal, namun dengan Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0), usaha agresif akan dilakukan bagi menggalakkan pembabitan besar-besaran syarikat swasta, sekali gus meningkatkan tahap sara diri (SSL) daging negara.

"Ketika ini, SSL susu 63 peratus iaitu kita banyak mengimport susu yang diproses, cecair dan susu tepung dari luar kerana berdepan cabaran mengkomersialkan tanah berikutan penanaman negara ini lebih tertumpu kepada tanaman komoditi hingga tidak ramai mahu melabur dalam industri ternakan sama ada untuk daging ataupun tenusu," katanya kepada BH.

Beliau berkata, selain itu, isu penggunaan tanah adalah antara cabaran terbesar menyebabkan ramai cenderung mengusahakan tanaman komoditi.

"Bagaimanapun dengan DAN 2.0, kita akan meningkatkan penghasilan bekalan makanan ruji negara iaitu beras dijangka meningkat daripada 63 peratus kepada 80 peratus, sumber protein utama iaitu daging ayam dan ikan akan terus dipertingkatkan ke tahap 140 peratus dan 98 peratus.

"Dalam pada itu, sumber nutrisi, sayur-sayuran dan buah-buahan diunjur meningkat ke tahap 79 peratus dan 83 peratus masing-masing pada 2030. Selain itu, penekanan khusus akan diberikan dalam mempertingkatkan tahap SSL daging lembu kepada 50 peratus dan susu segar ke tahap 100 peratus menjelang tempoh sama," katanya.

Kiandee berkata, dalam 10 tahun lagi, Malaysia akan menghasilkan sendiri cili, bawang serta tanaman lain, sekali gus tidak perlu lagi bergantung kepada bekalan import.

"Justeru, penyertaan sektor swasta dalam pertanian berskala besar dan berteknologi tinggi dengan pengurusan agronomi terbaik.

"Ini kerana sektor swasta memainkan peranan penting sebagai ejen perubahan atau pemangkin transformasi sektor pertanian moden, dinamik dan berdaya saing," katanya.

Bagaimanapun, katanya, ketika ini pelaburan swasta dalam industri agromakanan kurang menggalakkan berbanding industri perladangan, pembuatan dan perkhidmatan.

"Ini antara lain disebabkan kadar dedahan risiko lebih tinggi termasuk ketidakpastian faktor cuaca dan harga pasaran, tempoh kematangan panjang, kerumitan proses perolehan tanah pertanian serta tawaran insentif kurang menarik.

"Justeru, bagi menggalakkan pelaburan swasta, ekosistem yang lebih mesra perniagaan, telus, menyokong inovasi dan berdaya saing serta peluang perniagaan yang lebih menarik perlu diwujudkan.

"Dasar, peraturan dan prosedur perniagaan sedia ada perlu dikaji semula bagi menggalakkan dan memacu pelaburan swasta dalam industri agromakanan," katanya.

Pada masa sama, katanya, usaha kerajaan sebagai pemudah cara perniagaan akan dipertingkatkan melalui penambahbaikan sistem penyampaian kerajaan dan khidmat sokongan.

"Ini termasuk usaha memperkukuh kerjasama dengan kerajaan negeri dan kerajaan tempatan terutama berkaitan perolehan dan agihan tanah untuk aktiviti pertanian.

"Selain menyediakan dan melengkapkan infrastruktur pertanian bagi kemudahan pelabur, langkah inovatif juga akan dilaksanakan untuk menambah baik insentif sedia ada dan menyediakan insentif baharu dalam aktiviti pertanian pada peringkat hulu dan hilir," katanya.

BH sebelum ini melaporkan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) bakal memperkenalkan model pertanian pintar yang boleh dilaksanakan dalam skala kecil, sederhana atau besar sebagai strategi meningkatkan pengeluaran sayur-sayuran negara, bermula tahun depan.

Inisiatif itu turut bermatlamat menangani isu kekurangan bekalan sayur, perubahan iklim dan bencana alam, sekali gus membantu menstabilkan harga di pasaran.

Headline	Govt to import chicken within 2 months		
MediaTitle	Kwong Wah Yit Poh		
Date	08 Dec 2021	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	59,667
Page No	A14b	Readership	179,000
Language	Chinese	ArticleSize	59 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 662
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,986



2 个月内准进口鸡肉 农长：直至供应充足

（吉隆坡 7 日讯）农业及食品工业部长拿督斯里罗南建迪表示，政府允许在未来不到 2 个月的时间内进口鸡肉，直到本土鸡肉供应足以满足国内需求为止。

罗南建迪周二（7 日）出席全国渔民协会第 36 届会员大会后指出，经过监测，当局发现的确存在粮食供应短缺的问题，因此被迫进口鸡肉，以确保国家粮食充足。

他强调，一旦确保国内肉鸡供应量充足，便会停止进口肉鸡。他说，这两个月的时间，让本地鸡只充足时间成长，随后贩售到全国市场。

农业部在上周六（4 日）发文告指出，政府已批准从本月起至明年 2 月为期 3 个月进口冷冻鸡肉，这涉及考虑每月进口高达 1 万公吨或 550 万只鸡，这项短暂措施将持续至本地鸡肉市场供应稳定。

当局表示，鸡肉供应短缺的部分原因是经济领域重开，导致需求量剧增，尤其是自今年 10 月起重开的酒店和餐饮业。#



罗南建迪：批准进口鸡肉，直到本土鸡肉供应足以满足国内需求为止。

Headline	Don't doubt halal status of imported chicken – Ronald Kiandee		
MediaTitle	Malaysian Nanban		
Date	08 Dec 2021	Color	Full Color
Section	News	Circulation	65,000
Page No	12	Readership	415,000
Language	Tamil	ArticleSize	218 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,268
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,804



இறக்குமதி செய்யப்படும் கோழிகள் பாதுகாப்பானவையா?



கோலாலம்பூர்,
டிச. 8-

இறக்குமதி செய்யப்படுகின்ற உறைந்த கோழிகள் தரமாகவும் பாதுகாப்பானதாகவும் இருப்பதை அரசாங்கம் உறுதி செய்யும் என்று விவசாயம் - உணவுத் தொழில் துறை அமைச்சர்

டத்தோஸ் ரொனால்ட் கியாண்டி கூறுகிறார்.

அதேவேளையில் விலையுயர்வை கட்டுப்படுத்துவதற்காக இணையம் வாயிலாக உணவுப் பொருட்களை கொள்முதல் செய்வதில் மக்கள் ஆர்வம் காட்ட வேண்டும் என்றும் அவர் கேட்டுக் கொண்டார்.

கடந்த ஆகஸ்ட் மாதம் உள்நாட்டு வர்த்தகச் சந்தைகளில் கோழி இறைச்சியின் விலை வெ.9.20 முதல் வெ. 10.80 வரை விற்ப்பட்டது. விலைக் கட்டுப்பாட்டு பொருட்களில் கோழி இடம் பெற்றிருந்தாலும் அதன் விலைகள் நாளுக்கு நாள் அதிகரிப்பது கண்டு வாடிக்கையாளர்கள் அதிர்ச்சி அடைந்தனர்.

கோழி தீவனங்களின் விலைகள் அதிகரித்து விட்டதே இதற்கு ஒரு காரணம் என்று பண்ணையாளர்களும் வர்த்தகர்களும் கூறுகின்றனர். இந்நிலையில் விலை உயர்வை கட்டுப்படுத்துவதற்காக அடுத்தாண்டு பிப்ரவரி மாதம் வரையில் மாதம் ஒன்றுக்கு 10,000 மெட்ரிக் டன் அல்லது 55 லட்சம் கோழிகளை இறக்குமதி செய்ய அரசாங்கம் முடிவு செய்திருக்கிறது.

அப்படி வெளிநாடுகளிலிருந்து இறக்குமதி செய்யப்படும் கோழிகள் தரமானதாகவும் பாதுகாப்பானதாகவும் இருப்பது உறுதி செய்யப்படும். மேலும் அவை ஹலால் தரத்தை கொண்டிருப்பதும் உறுதி செய்யப்படும் என்று ரொனால்ட் கியாண்டி கூறினார்.

அதேவேளையில் பண்ணையில் இருந்து மொத்த சந்தைகளுக்கு கோழிகள் கொண்டு வரப்படுகின்ற பொழுது பல தரக்களின் கைகளுக்கு அவை மாறுகின்றன. தரக்கள் மாறுபட்ட விலைகளை நிர்ணயம் செய்கின்றனர். அதுவே விலையுயர்வுக்கு காரணம்.

இதனை கட்டுப்படுத்துவதற்காக கோழி உட்பட உணவுப் பொருட்களை இணையத்தளம் வாயிலாக வாங்குவதற்கும் வாடிக்கையாளர்கள் முன்வர வேண்டும் என்றார் அவர்.

Headline	No need to doubt halal status of imported chicken, says minister		
MediaTitle	Borneo Post (Kuching)		
Date	08 Dec 2021	Color	Black/white
Section	Home	Circulation	60,767
Page No	8	Readership	182,301
Language	English	ArticleSize	110 cm ²
Journalist	Bernama	AdValue	RM 750
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 2,250



No need to doubt halal status of imported chicken, says minister

KUALA LUMPUR: People need not worry about the halal status of imported chicken as the government would only obtain supplies from producers recognised by the Health Ministry and two agencies assigned to monitor the matter.

Minister of Agriculture and Food Industries Datuk Seri Dr Ronald Kiandee said the two agencies were the Department of Veterinary Services and the Islamic Development Department of Malaysia.

"The agencies are monitoring

the matter and will issue certificates to producers from abroad.

"The import of chicken will only be allowed from recognised processing plants and have a halal certificate," he told a press conference after officiating at the 36th Annual

Headline	No need to doubt halal status of imported chicken, says minister		
MediaTitle	Borneo Post (Kuching)		
Date	08 Dec 2021	Color	Black/white
Section	Home	Circulation	60,767
Page No	8	Readership	182,301
Language	English	ArticleSize	110 cm²
Journalist	Bernama	AdValue	RM 750
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 2,250

General Meeting of the National Fishermen's Association (Nekmat) at Tamu Hotel and Suites, here yesterday.

Ronald said the decision to import chicken was made to address the issue of supply shortage that has been going on over the past months.

However, he said the initiative would only be carried out temporarily to ensure that supplies of chicken in the market are sufficient.

The government has allowed companies to import frozen whole chicken from this month to February next year, including

imports of up to 10,000 metric tonnes or 5.5 million chickens a month to cover shortages in chicken supply.

Earlier, Ronald presented the Nekmat Outstanding Student Award to six students from different institutions of higher learning. — Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/12/2021	BERITA HARIAN	ONLINE	

Orang tengah punca harga naik 100 peratus



Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee beramah mesra dengan Pelajar-Pelajar Cemerlang pada Majlis Perasmian Mesyuarat Agung Tahunan NEKMAT Ke 36/2021. - Foto NSTP/Amirudin Sahib

KUALA LUMPUR: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) mendedahkan peningkatan harga sumber pertanian dan penternakan di pasaran disebabkan manipulasi rantaian pemasaran oleh orang

tengah.

Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, berkata biarpun sektor pengeluaran dalam industri pertanian mengalami peningkatan sehingga 30 peratus, pembabitan orang tengah mengakibatkan harga di pasaran terlalu tinggi.

Katanya, situasi itu mengakibatkan pengguna menerima kesan apabila harga yang sampai kepada mereka meningkat melebihi 100 peratus.

"Sememangnya antara cabaran dalam industri pertanian dan penternakan hari ini antara lain adalah disebabkan pembabitan orang tengah yang memainkan peranan dalam semua subsektor.

"Kita lihat ada peningkatan harga 20 ke 30 peratus dalam sektor pengeluaran tetapi harga di pasaran meningkat melebihi 100 peratus. Ini bermakna terdapat unsur rantaian pemasaran dimanipulasi oleh pihak tertentu," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT) ke 36, di sini hari ini.

Yang turut hadir, Timbalan Menteri 1 MAFI, Datuk Seri Ahmad Hamzah; Ketua Setiausaha MAFI, Datuk Haslina Abdul Hamid dan Pengerusi Lembaga Pengarah NEKMAT, Abdul Hamid Bahari.

Mengulas perkara itu, Ronald menjelaskan menangani isu orang tengah bukan sesuatu perkara yang mudah kerana ia dibangkitkan sejak sekian lama.

"Ia sudah lama terjadi malah dalam pengajian pentadbiran perniagaan, isu orang tengah ini dibangkitkan dalam setiap pemasaran, kewujudannya mereka tidak boleh dinafikan.

"Bukan sesuatu yang mudah untuk kementerian lakukan (hapuskan) pembabitan orang tengah ini tetapi kita mempunyai pelbagai inisiatif khususnya pemasaran secara 'e-commerce' yang kini dipergiatkan oleh MAFI," katanya.

Beliau berkata, ketika ini, MAFI menggalakkan setiap pertumbuhan platform 'e-commerce' yang bukan sahaja memperkenalkan konsep 'biz to biz' malah 'biz to customer' yang boleh memberi manfaat secara terus kepada pengguna tanpa pembabitan orang tengah.

"Ini juga antara langkah yang akan dipergiatkan MAFI untuk mengurangkan kenaikan harga dalam pasaran.

"Kami juga meminta setiap petani atau penternak untuk bersedia dengan pemasaran sebegini, yang dilihat amat berpotensi untuk membantu industri pertanian negara," katanya.

Malaysia hari ini berdepan dengan kenaikan harga beberapa jenis sumber makanan terutamanya barang basah sejak beberapa bulan lalu, antaranya kenaikan harga ayam dan sayur, sehingga menimbulkan kemarahan rakyat.

Ia diakui sendiri Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob yang berkata, kerajaan menerusi beberapa kaedah sedang berusaha untuk mengatasi situasi itu, antaranya mengimport ayam serta ikan sejuk beku dari luar negara serta melaksanakan Jualan Keluarga Malaysia.

8/12/2021

KOSMO

NEGARA

6



RONALD (kiri) ketika merasmikan Mesyuarat Agung Nemat ke-36 di Kuala Lumpur semalam.

Diiktiraf dan dipantau oleh JPV, Jakim dan KKM

Ayam import dijamin selamat dan halal

Oleh RASDAN AHMAD

+ KUALA LUMPUR – Kerajaan memberi jaminan bekalan ayam import dijamin berkualiti, selamat dan halal dalam usaha menampung keperluan ayam kebangsaan ketika ini.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Ronald Klandee berkata, ayam yang bakal diimport hanya dibenarkan daripada loji pemrosesan diiktiraf selain memantau Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV), Jabatan Kemajuan Islam (Jakim) dan Kementerian Kesihatan (KKM).

"Jsu (Karet) (aging) tidak akan timbul, sebenarnya kita sudah lama mengimport ayam dari loji-loji yang diiktiraf oleh kerajaan."

"Kerajaan juga menggalakan pertumbuhan syarikat yang boleh mengendalikan perniagaan



dalam talian sebagai platform mengurangkan pengaruh orang tengah yang memanipulasi harga sehingga menyumbang kepada punca kenaikan harga bekalan makanan," jelasnya.

Beliau berkata demikian ketika sidang akhbar selepas merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan Nelayan Kebangsaan (Nekmat) ke-36, di sini semalam.

Dalam pada itu, tambah Ronald, kebenaran untuk mengimport ayam dalam paka-

ran tempatan adalah sementara waktu sahaja iaitu bagi tempoh sekurang-kurangnya kurang dua bulan dari sekarang sebelum produktiviti ayam tempatan kembali mencukupi.

Jelasnya, selepas kerajaan mendapati produktiviti ayam tempatan sudah mencukupi dan mampu memenuhi pasaran negara, kaedah pengimport ayam itu akan dihentikan.

"Kajian telah dijalankan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan mendapati memang berlaku pengurangan produktiviti ayam tempatan dan dijangka akan mampu memenuhi permintaan dalam tempoh beberapa bulan akan datang," ujarnya.

Sebelum ini kerajaan sudah bersetuju import ayam standard sejuk beku sehingga 10,000 tan metrik atau 5.5 juta ekor bagi bulan ini hingga Februari 2022.

8/12/2021

SINAR
HARIAN

NASIONAL

22

Kesemua ayam yang bakal diimport hanya dibenarkan dari loji pemprosesan diiktiraf

Oleh HIDAYAH HAIROM

KUALA LUMPUR

Kerajaan memberi jaminan bekalan ayam yang diimport disahkan berkualiti, selamat dan halal dalam usaha menampung keperluan kekurangan bekalan di negara ini untuk sementara waktu.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, kesemua ayam yang bakal diimport hanya dibenarkan dari loji pemprosesan diiktiraf selain memantau Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dan Kementerian Kesihatan (KKM).

“Tidak berbangkit (isu seperti karnel daging). Malaysia sudah mengimport (ayam) sejak sekian lama dari loji-loji yang diiktiraf kerajaan,” katanya kepada pemberita pada sidang akhbar selepas merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan Negara Kebangsaan (Nekmat)

Tiada isu kartel ayam, bekalan disahkan halal



Ronald (tiga dari kiri) menyaksikan penyampalan zakat permilagaan Nekmat bagi tahun 2020 kepada persatuan nelayan negeri dan Yanem pada Selasa.

ke-36, di sini pada Selasa.

Beliau berkata demikian mengulas kekusaran pengguna berhubung isu status halal ayam yang bakal diimport setelah kerajaan mengumumkan akan memberi kebenaran mengimport ayam bulat sejuk beku sehingga 10,000 tan metrik atau 5.5 juta ekor sebulan bagi

rikat yang boleh mengendalikan perniagaan dalam talian sebagai platform mengurangkan pengaruh orang tengah yang memanipulasi harga sehingga menyumbang kepada punca kenaikan harga bekalan makanan di negara ini.

Bagaimanapun jelas beliau, peranan dan keperluan orang tengah sukar dihapuskan kerana ia mempunyai hubungan antara golongan petani, peladang dan penternak.

“Pendekatan urus niaga dalam talian jika dilakukan secara menyeluruh boleh mengurangkan pengaruh orang tengah.

“Jadi, penternak, petani dan nelayan harus bersedia melakukan pemasaran melalui platform ini.

“MAFI (Kementerian Pertanian dan Industri Makanan) amat menggalakkan pertumbuhan syarikat-syarikat swasta dan platform atas talian bukan hanya untuk urusniaga peniaga dengan peniaga tetapi juga peniaga dengan pengguna secara terus,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/12/2021	THE SUN	NEWS WITHOUT BORDERS	3



The government has assured the public that only chicken from certified producers will be accepted.
-BERNAMAPIX

Assurance on halal imported chicken

KUALA LUMPUR: Muslims need not worry about the halal status of imported chicken as the government will only obtain supplies from producers recognised by the Health Ministry, and two agencies have been assigned to monitor the matter.

Agriculture and Food Industries Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiang said the two agencies were the Department of Veterinary Services and the Islamic Development Department of Malaysia.

"The agencies are monitoring the matter and will issue certificates to producers from abroad.

"The import of chicken will only be allowed from recognised processing plants that have a halal certificate," he told a press conference after officiating at the 36th Annual General Meeting of the National Fishermen's Association yesterday.

Ronald said the decision to import chicken was made to address the issue of

supply shortage that has been going on over the past months.

However, he said the initiative would only be carried out temporarily to ensure that supply of chicken in the market is sufficient.

The government is allowing companies to import frozen whole chicken from this month to February next year, involving imports of up to 10,000 metric tonnes or 5.5 million chickens a month. - Bernama

8/12/2021

NST

NATION/NEWS

7

PRICE WATCH

'PRICEY VEGE DUE TO HIGH COSTS OF FERTILISERS'

Extra costs incurred by farmers due to price surge passed on to consumers, says minister

DHESEGAAN BALA KRISHNAN
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

incurred by farmers due to the price surge would inevitably be borne by consumers.

"Some vegetables, such as onion, ginger and potatoes, have to be imported and the prices of these items, therefore, are dependent on global market prices," he said in a Facebook live session yesterday.

Ronald said the government would roll out an additional RM100 subsidy for pesticides per hectare per season to assist farmers with a financial implication of RM62 million.

Currently, he said, farmers were receiving a subsidy of RM200 for pesticides.

The government, he said, had also been providing fully subsidised fertilisers (except for

Type 4 Fertilisers) to farmers.

"The government has allocated RM200 million to provide agro-food loan at zero interest rate, in addition to a six-month loan repayment moratorium under Tekun Nasional and Agrobank for small and medium farmers."

Agriculture director-general Datuk Zahimi Hassan, during the session, said the global prices of fertilisers and pesticides, which had been gradually increasing since the beginning of the year, surged in the third quarter of this year.

"The input price of some pesticides surged above RM300 while the input price of some commonly used fertilisers increased between RM30 and RM50."



Traders selling vegetables at the Tunjong Rural Transformation Centre in Kota Baru yesterday. PIC BY NIK ABDULLAH NIK OMAR

The ministry, he said, was exploring ways to boost domestic production of some vegetables to reduce reliance on food imports.

"Our local production for some vegetables is still very low. For example, our local production of chillies is only 36 per cent, while production of ginger stands at 18 per cent.

"Under the 12th Malaysia Plan, we are looking at increasing the local production of ginger from 18 to about 36 to 40 per cent since ginger can also be cultivated through fertigation."

Meanwhile, Federal Agriculture Marketing Authority (Fama) director-general Datuk Zainal Abidin Yang Razali urged farmers to market their produce through e-commerce platforms to eradicate middlemen in the supply chain.

"Fama will open more outlets for farmers to directly sell their produce such as through the MyBest Buy Programme and similar initiatives.

"Farmers can register at the nearest Fama branch to participate in these programmes."



**Tetapkan harga siling
RM8.30 sekilogram**

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Kelantan, Adnan Abd Rahman berkata, pemeriksaan mendapati keba-

Tambah Baharuddin, langkah yang diambil itu bukan jalan pe-

"Sebagai pemborong tidak adil kerajaan tetapkan harga sehingga RM8 sellogram kerana banyak lagi kos lain perlu ditanggung," katanya.

kan harga ayam.

"Serikat tni, peniaga yang menaikkan harga barangan diberikan nota. Justeru, peniaga di nasihatkan supaya menjalankan urusan pembelian secara amarah. Jika ingkar, mereka boleh dikenakan tindakan mengikut Akta Anti Pencurian 2011 selain penalti," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/12/2021	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

Industri perikanan negara sumbang 0.8 peratus KDNK



DR Ronald Kiandee menyampaikan Anugerah Pelajar Cemerlang Persatuan Nelayan Kebangsaan (Nekmat) kepada seorang penerima ketika merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan Nekmat di Kuala Lumpur, hari ini.

PETALING JAYA : Industri perikanan negara menyumbang 0.8 peratus setahun kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) menerusi pengeluaran berjumlah 1.78 juta tan metrik dengan nilai RM13.84

bilion.

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan dalam kenyataan memaklumkan, pengeluaran kepada industri perikanan itu disumbangkan oleh perikanan tangkapan marin sebanyak 1.38 juta tan metrik, akuakultur berjumlah 400 ribu tan metrik dan pendaratan perikanan darat sebanyak 5,625 tan metrik.

“Industri perikanan menyokong seramai 119,828 nelayan laut, 20,258 penternak akuakultur dan 3,103 nelayan darat.

“Kerajaan melalui kementerian sentiasa peka dan mendengar akan keperluan juga cabaran yang dihadapi oleh golongan nelayan. Justeru, pelbagai peruntukan dan inisiatif disediakan bagi membantu mereka,” kata kenyataan itu hari ini.

Menurut kenyataan itu lagi, menterianya, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee memaklumkan pihaknya pada tahun ini telah memperuntukkan lebih RM150 juta ringgit bagi menyediakan bantuan dan insentif kepada masyarakat nelayan seluruh negara yang merangkumi Elaun Sara Hidup Nelayan, Insentif Hasil Tangkapan dan Tabung Bencana dan Kebajikan Nelayan.

Selain itu, kementerian memperuntukkan sebanyak RM6.43 juta ringgit untuk program baik pulih rumah nelayan dan pembinaan rumah baharu kepada nelayan seluruh negara di bawah Projek Khas Perumahan Nelayan (PKPN).

“Kerajaan memperuntukkan RM4.82 bilion kepada kementerian dalam Bajet 2022 dan secara khususnya, akan menerima RM1.7 bilion dalam pemberian subsidi dan insentif bagi industri pertanian serta perikanan untuk tahun 2022,” jelas kenyataan itu lagi.- UTUSAN ONLINE

Headline	Call to stand firm behind CM in fight for MA63 rights		
MediaTitle	Borneo Post (KK)		
Date	08 Dec 2021	Color	Black/white
Section	Home	Circulation	18,290
Page No	3	Readership	54,870
Language	English	ArticleSize	149 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 415
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 1,246



Call to stand firm behind CM in fight for MA63 rights

KOTA KINABALU: All parties are urged to stand firmly behind the leadership of Chief Minister Datuk Seri Panglima Hajiji Noor in fighting for the rights enshrined in the 1963 Malaysia Agreement (MA63).

Kawang assemblyman Datuk Ghulam Haidar Khan Bahadar said the support of all parties is important to ensure that the people in Sabah and friends in Sarawak, get their due rights.

He said the struggle and demands regarding MA63 is not just a sweet promise on the lips, because the issue of MA63 has been a legacy for many years.

"Then it is time for us to find the end point, so that it is finalized so that it no longer becomes political rhetoric every time the election season arrives.

"We must not be intimidated in the struggle of MA63. Instead, we must be strong, committed and dedicated in one mindset regardless of political affiliation, rank or origin," he said when discussing the Sabah Budget 2022.

In this regard, Ghulam called on all political leaders to join hands in the issue of the MA63 demand.

"I am confident and believe that our noble struggle can be achieved, because we are led by a great captain, and lined up with the greatest platoon," he said.

Ghulam, who is also the director of Yayasan Sabah, is optimistic that the demands

of the MA63 struggle will be successful, and even now there is a lot of progress and encouraging signs.

Among them are negotiations between the State Government, the Federal Government and Petronas to discuss the Commercial Cooperation Agreement (CCA) which was signed yesterday.

"With the signing of the agreement, it brings a very significant meaning to us in Sabah in the context of procurement and revenue sharing related to oil and gas," he said, while congratulating the Sabah state leadership from the past to the present in the MA63 struggle.

Ghulam also welcomed the agreement of the MA63 Special Council which empowered the director of the Sabah Fisheries Department and the director of the Sarawak Marine Fisheries Department to carry out the issuance of permits and deep sea licenses for zone C2 fishing vessels.

Similarly, he said in the education and infrastructure development sector, it was reported that the agreement for the devolution of power from the Center to the State of Sabah was also in the implementation phases.

"All this is the result of good relations between the state and the Center, between Menara Kinabalu and Putrajaya - we are indeed in line to bring progress, we are in fact in line with the pulse of the people," he said.

8/12/2021

BERITA
HARIAN

NASIONAL

17

Teknologi pintar GreenKit berharga serendah RM50

**Sistem tanaman
dalam bekas khas
diperkenal
MARDI sejak 2012**

Oleh Fahmy A Rosli
fahmy.azril@bh.com.my

Serdang: Teknologi pintar dalam bidang pertanian mampu digunakan siapa sahaja dengan hanya modal serendah RM50.

Memberikan contoh teknologi pertanian pintar GreenKit, yang dibangunkan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), ia boleh dibeli pada harga RM50 hingga

RM70, bagi menggalakkan orang ramai bercucuk tanam.

Ketua Pengarah MARDI, Datuk Dr Mohamad Zabawi Abdul Ghani, berkata penggunaan terma pertanian pintar tidak semestinya membabitkan teknologi besar, canggih dan mahal, sebaliknya ia merujuk kepada kaedah baharu selain konvensional.

Mengulas lanjut, beliau berkata, teknologi pertanian pintar GreenKit, iaitu sistem penanaman di dalam bekas direka khas, sudah lama diperkenalkan iaitu sejak 2012.

GreenKit membolehkan air dibekalkan kepada tanaman secara sendiri (*self watering container*), sekali gus mengatasi masalah penyiraman yang kerap.

"Teknologi pertanian pintar tidak mahal. Bila bercerita me-

ngenai teknologi itu, ada orang beranggapan ia menggunakan robot dan sistem automatik. Sebab itu mahal.

"Contoh kita wujudkan GreenKit pada 2012 lagi. Tetapi sampai sekarang, masih ada orang tidak sedar kewujudan inovasi itu. Bila MARDI buat pelancaran GreenKit untuk menanam sayur untuk kegunaan sendiri, berita mengenai inovasi itu 'hangat' sekejap. Setelah itu, orang tak ambil peduli.

"GreenKit boleh dibeli pada harga RM50 hingga RM70. Bekas plastik tak mudah reput kerana boleh tahan di antara lima tahun hingga 10 tahun. Dengan model serendah itu, boleh tanam dan tinggal. Jika air kurang, kita isi semula. Ini contoh teknologi pintar," katanya kepada BH.



Dr Khalisanni (kiri) dan Dr Mohd Nazrul Hisham bersama Anugerah Kecemerlangan Ahli Kimia Muda 2021 serta Anugerah Kecemerlangan Makmal 2021 di Ibu Pejabat MARDI, Serdang. (Foto Azhar Ramli/BH)

Beliau berkata demikian selepas sidang media susulan kemenangan MARDI mengondol dua anugerah Institut Kimia Malaysia (IKM), iaitu Anugerah Kecemerlangan Makmal 2021 dan Anugerah Kecemerlangan Ahli Kimia Muda 2021 (Industri).

Pegawai Penyelidik Kanan Pusat Penyelidikan Bioteknologi & Nanoteknologi MARDI, Dr Khalisanni Khalid memenangi Anugerah Kecemerlangan Ahli Kimia Muda 2021 dan Anugerah Kecemerlangan Makmal 2021 dengan seliaan Timbalan Pengarah

Program Perkhidmatan Analisis merangkap Pegawai Penyelidik Kanan MARDI, Dr Mohd Nazrul Hisham Daud.

Bagi golongan yang tidak berkemampuan, Mohamad Zabawi berkata, MARDI akan memohon geran daripada kerajaan untuk sebarikan teknologi dibungkusnya kepada golongan sasaran.

Memberi contoh projek Urban Kit di Masjid Al-Hasanah, Bangi, beliau berkata, MARDI memperoleh peruntukan daripada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

MADA didakwa gagal, petani kecewa

Oleh MOHD. RIFAAT ABD. HAMID
utusannews@mediamulla.com

ALOR SETAR: Petani kecewa terhadap kegagalan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) menyelenggara sistem pengairan sehingga banjir kerap berlaku di kawasan sawah selepas hujan lebat.

Mereka mendakwa kebanyakan kawasan sawah di negeri ini selalu ditenggelami banjir terutama pada Ogos dan September, setiap tahun.

Pengerusi Persaudaraan Pesawah Malaysia (Pesawah), Mohd. Fuad Yaacob berkata, sistem perairan yang tidak diselenggara dengan teratur telah menjejaskan saliran air di kawasan sawah.

Katanya, sebelum ini ka-

wasan sawah jarang berlaku banjir walaupun hujan lebat kerana sistem pengairan diselenggara lebih baik.

"Sebelum ini MADA melakukan penyelenggaraan sistem pengairan terutamanya di parit-parit kawasan sawah sebanyak empat kali setahun supaya air dapat mengalir dengan baik.

"Bagaimanapun pada masa ini, MADA hanya melakukan penyelenggaraan sebanyak dua kali setahun dan keadaan ini menyebabkan banyak parit ditumbuhi rumput dan cetek sehingga menjejaskan saliran air," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Mohd. Fuad berkata, pihak Pesawah juga difahamkan MADA tidak dapat melakukan

kerja-kerja penyelenggara sistem pengairan dengan lebih kerap kerana peruntukan tersebut dikurangkan.

Bagaimanapun, jelasnya, pihak Pesawah merayu MADA supaya sungai dan parit berdekatan kawasan sawah dibersihkan serta didalamkan supaya air dapat mengalir dengan lancar.

"MADA perlu mengembalikan semula kerja penyelenggaraan sebanyak empat kali pada setiap tahun supaya masalah kawasan sawah ditenggelami banjir selepas hujan lebat dapat diatasi.

"Langkah tersebut juga dapat mengelakkan petani menanggung kerugian kerana benih dan pokok padi rosak akibat ditenggelami banjir dalam tempoh lama," ujarnya.



DUA petani menunjuk sebuah parit yang ditumbuhi rumput selepas tidak diselenggarakan oleh MADA di Kampung Telaga Batu, Mukim Jeram Ayer Hitam, Jerlun, Kedah. - UTUSAN/MOHD. RIFAAT ABD. HAMID

'Pesta ubi' setahun sekali

BACHOK: Jalan utama dari Beris Kubur Besar menuju ke Binjai dekat Kampung Sri Sentosa, di sini bertukar meriah, gara-gara 30 gerai jualan ubi yang dibuka di situ sejak beberapa minggu lalu.

Bagaikan 'berpesta ubi', pengunjung dilihat singgah beramai-ramai untuk membeli pelbagai jenis ubi segar dari la-dang pada harga serendah RM5 selonggok.

Antaranya, ubi kayu, ubi keledek, ubi badak, ubi itik, ubi keladi, isi kunyit atau rizom serta ubi temulawak.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, salah seorang peniaga, Che Mas Che Hassan, 66,

berkata, defetan gerai di situ digelar 'gerai musim bah' kerana hanya beroperasi setahun sekali ketika tengkujuh melanda Kelantan.

"Kebanyakan penduduk di sini mencari rezeki dengan bercucuk tanam.

"Para peniaga merupakan suri rumah serta ibu tunggal. Sudah menjadi tradisi kami membuka gerai ubi ketika musim tengkujuh.

"Alhamdulillah dalam keadaan ekonomi terjejas akibat Covid-19, dapatlah juga RM200 hingga RM300 sehari hasil jualan ubi ini," katanya.

Che Mas berkata, jenis ubi paling laris setakat ini adalah

ubi temulawak yang dijual RM3 selonggok atau sekitar 800 gram. Ia kerap dicari pelanggan kerana berkhasiat dan menjadi bahan utama dalam perubatan tradisional.

Seorang lagi peniaga, Noriah Mat Ripin, 49, pula memberitahu, kerja-kerja menggali ubi di laman rumah dibuat selepas Subuh sebelum hasilnya diangkut ke gerai yang akan dibuka seawal pukul 7 pagi setiap hari.

"Seronok berniaga pada musim hujan begini kerana ubi jualan kami laku. Ramai penduduk di bandar datang dari jauh semata-mata mahu membeli pelbagai jenis ubi yang kami tanam sendiri," ujarnya.



CHE Mas Che Hassan bersama pelbagai jenis ubi yang ditanam dan dijual sendiri di gerai di Kampung Sri Sentosa, Bachok, Kelantan. - UTUSAN/TOREK SULONG

Lulusan Unimas ternak satu juta ikan keli

Oleh MOHD. RIFAAT ABD. HAMID
utusannews@mediamulia.com.my

PADANG TERAP: Walaupun memiliki ijazah namun Nur Atikah Amran tidak kekok bermain lumpur di kolam ternakan ikan keli yang diusahakan di Kampung Tok Salam, Kubang Kereng, Kuala Nera ng di sini.

Siswazah Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) berusia 24 tahun itu memilih menceburi bidang ternakan sebaik menamatkan pengajian dalam bidang Gunaan dan Kreatif pada tahun 2018.

Dia mengetepikan perasaan malu dengan bekerja kampung dan menyahut cabaran bapanya, Amran Shamsuddin, 50.

Cerita Nur Atikah, setakat ini, dia menternak kira-kira satu juta ekor ikan keli dalam lapan kolam di kawasan seluas 2.5 hektar.

"Sebagai anak kampung, saya mahu membuktikan saya mampu menjadi usahawan berjaya menternak ikan keli.

"Saya tidak menyesal menceburi bidang tersebut walaupun mendapat tawaran kerja kerana kerjaya ini memberi pulangan lumayan," katanya ketika dite-



NUR Atikah Amran (kiri) dan beberapa pekerjaannya menunjukkan ikan keli diternak di Kampung Tok Salam, Kubang Kereng, Kuala Nera ng. Padang Terap semalam. - UTUSAN/MOHD. RIFAAT ABD. HAMID

mui di Kuala Nera ng semalam.

Nur Atikah, anak kedua daripada lima beradik berkata, sejak kecil dia membantu bapanya mengusahakan ternakan ikan keli.

"Sebab itu saya sudah biasa

disengat ikan keli setiap kali turun ke kolam untuk menangkap hasil ternakan itu," ujarnya.

Menerusi usaha itu, dia memasarkan 600 hingga 700 kilogram ikan keli sehari dengan harga RM4.20 sekilogram di be-

berapa pasar borong seperti di Kuala Nera ng, Pokok Sena , Alor Setar, Jitra dan Kuala Ketil.

"Permintaan ikan keli menggalakkan sehingga saya tolak beberapa tempahan kerana bekalan tidak cukup," ujarnya.

Raih RM3,000 jual ikan darat musim bah

DUNGUN: Ketibaan musim tengkujuh memberi limpahan rezeki buat penduduk Kampung Jerangau Sungai dan sekitar Hulu Dungun di sini apabila sege-lintirnya mampu meraih pendapatan sampingan sehingga RM3,000 sebulan hasil jualan ikan darat.

Nik Azhar Daud, 36, berkata, permintaan ikan darat tinggi sejak lebih tujuh tahun terlibat dalam kerjaya itu, malah turut menerima tempahan dari Johor, Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Selangor.

Katanya, setiap kali memukat ikan di Sungai Dungun, dia mampu memperoleh antara 50 hingga 100 kilogram ikan darat termasuk keli, lampam, baung, ubi, sebarau dan tengas.

"Kebiasaannya saya turun ke sungai untuk memukat ikan pada waktu pagi dan petang, Alhamdulillah hasil sangat memuaskan pada musim hujan.



NIK Azhar Daud menunjukkan antara hasil tangkapan ikan darat untuk dijual kepada pelanggan ketika ditemui di Dungun semalam. - NIK NUR IZZATUL HAZWANI NIK ADNAN

"Ikan yang baru ditangkap lazimnya akan terus dijual ke-

pada penduduk dan adakalanya pelanggan sudah menunggu di

rumah sebelum saya pulang," katanya ketika ditemui di kediamannya di sini semalam.

Nik Azhar berkata, ikan darat dijual dengan harga antara RM7 hingga RM25 sekilogram, bergantung kepada jenis ikan.

Katanya, selain menjual ikan segar, isterinya, Roshuhaida Mokhtar, 35, suri rumah turut berpeluang menjana pendapatan sendiri dengan menghasilkan ikan salai.

"Ikan salai juga mendapat permintaan tinggi dan dijual pada harga RM25 untuk satu kilogram. Sebelum ini kita turut membuat penghantaran ke luar negeri kerana ramai berminat untuk menikmatinya.

Sementara itu, Roshuhaida berkata, penghasilan ikan salai memerlukan kesabaran dan kerja yang teliti kerana ia perlu direndam terlebih dahulu sebelum disalai sehingga lima jam.



DUA petani menunjukkan kawasan saliran yang tidak diselenggara dengan baik sehingga menjadi semak.

Selenggara segera sistem saliran elak sawah ditenggelami banjir

ALOR SETAR – Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (Pesawah) memohon kepada Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) agar menyelenggara sistem saliran di kawasan sawah padi dengan lebih kerap bagi mengelak tanaman ditenggelami banjir pada musim hujan.

Pengerusinya, Mohd. Fuad Yaacob berkata, pihaknya dimaklumkan kerja-kerja penyelenggaraan sistem saliran ketika ini dilakukan dua kali setahun berbanding empat kali setahun sebelum ini.

Katanya, keadaan itu mengakibatkan aliran air di sistem saliran di beberapa kawasan tersekat, sekali gus menyebabkan sawah dinaiki air setiap kali hujan lebat yang biasanya berlaku pada Ogos dan September.

"Sebelum ini, pihak MADA melakukan penyelenggaraan ke atas sistem saliran terutama di parit buang air sebanyak empat kali setahun supaya air dapat mengalir dengan baik.

"Kerja-kerja penyelenggaraan itu dapat mengelakkan tanaman

padi ditenggelami banjir," katanya di sini semalam.

Menurut Mohd. Fuad lagi, sungai utama yang berdekatan juga perlu didalirkan supaya air dapat mengalir dengan baik.

"Ramai petani meringut kerana sungai utama kini semakin cetek dan tiada kerja mendalamkan dilakukan," jelasnya.

MADA pada bulan lalu memberitahu, seluas 5,849 hektar sawah ditenggelami banjir dan limpahan air pasang besar yang melanda negeri ini.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/12/2021	BERITA HARIAN	ONLINE	

Majlis Tindakan Sara Hidup bersidang Khamis tangani isu harga barang



KUALA LUMPUR: Kuala Lumpur: Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) akan bersidang, Khamis ini, bagi memperincikan langkah menyeluruh dan bersepadu dalam usaha kerajaan menangani serta mengawal kenaikan harga barang keperluan dan kos sara hidup rakyat.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed, berkata mesyuarat berkenaan akan dipengerusikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

"Tindakan jangka sederhana dan panjang akan dibentangkan oleh kementerian-kementerian yang berkenaan pada mesyuarat itu.

"Antara perkara akan dibincangkan ialah pergantungan kepada import, kos input makanan, isu buruh asing, skim subsidi, geran dan pinjaman mudah, teknologi pertanian serta penyelidikan dan pembangunan (R&D)," katanya ketika menjawab soalan Datuk Seri Anwar Ibrahim (PH-Port Dickson) pada Waktu Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat, hari ini.

Menjawab soalan tambahan Anwar mengenai kelewatan mesyuarat itu diadakan, Mustapa menjelaskan, kerajaan sudah mengambil tindakan segera melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) serta Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) bagi menstabilkan harga barang keperluan.

"Tahun lalu, mesyuarat jawatankuasa (untuk menangani) kenaikan harga barang yang dipengerusikan oleh Menteri KPDNHEP telah diadakan sebanyak dua kali. Tahun ini, sudah tiga kali mesyuarat diadakan menteri berkenaan yang khusus berhubung kenaikan harga ini, selain MAFI dan kementerian lain.

"Saya ingin menjelaskan bahawa perkara yang dibawa Ketua Pembangkang (Anwar) itu, kita sedia maklum dan Jabatan Perangkaan Malaysia juga memantau sekarang. Jika dulu, dua kali sebulan dipantau harga sayur-sayuran, sekarang setiap hari dipantau oleh Jabatan Perangkaan. Kira-kira 30, 40 jenis sayur-sayuran dipantau seperti cili dan sebagainya," katanya.

Beliau berkata, kerajaan menyedari kenaikan harga barang keperluan adalah masalah besar yang sedang dihadapi oleh rakyat, dan tindakan segera perlu diambil untuk mengawalinya.

"Sebab itulah dalam setiap mesyuarat Jemaah Menteri, selalu ditekankan mengenai perkara ini. Walaupun belum dipanggil lagi mesyuarat (NACCOL dan Jawatankuasa Khas Kabinet), mesyuarat

Jemaah Menteri sudah mengarahkan segala usaha dan tenaga oleh semua kementerian serta agensi bagi memastikan kenaikan harga ini dapat dikawal," katanya.

Terdahulu, Anwar ketika mengemukakan soalan tambahannya mempersoalkan kelewatan kerajaan memanggil mesyuarat NACCOL dan Jawatankuasa Khas Kabinet, ketika peniaga serta rakyat terus terbeban dengan kesan kenaikan harga barang keperluan.

Ketika menjawab soalan asal Anwar pula, Mustapa memaklumkan pada minggu lalu, Perdana Menteri sudah mengumumkan kebenaran untuk mengimport ayam bulat bersifat sementara untuk menampung kekurangan bekalan ayam dalam pasaran, selain peruntukan RM262 juta bagi membantu peladang dan petani yang terjejas akibat kenaikan harga baja serta racun.

"Melalui Bajet 2022, kerajaan sudah memperuntukkan RM31 bilion dalam bentuk subsidi, bantuan dan insentif, termasuklah pemberian subsidi petrol RON95 dan diesel, serta minyak masak dan tepung.

"Sebagai contoh, Bajet 2022 memperuntukkan RM200 juta bagi membantu mengurangkan harga barang keperluan penduduk luar bandar dan RM400 juta untuk menstabilkan harga minyak masak," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/12/2021	KOSMO	NEGARA	4



HARGA barang naik menjadi isu utama rakyat Malaysia ketika ini.

Majlis Tindakan Sara Hidup Negara bersidang esok

KUALA LUMPUR — Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) akan bersidang pada Khamis ini bagi mencari penyelesaian jangka masa panjang dan sederhana terhadap isu kenaikan harga barang.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed berkata, mesyuarat itu akan dipengerusikan sendiri oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

“Perkara yang akan dibincangkan termasuk pergantungan kepada import, kos input makanan, isu buruh asing, skim subsidi, geran dan pinjaman mudah, teknologi pertanian serta penyelidikan dan pembangunan,” katanya pada persidangan Dewan Rakyat di sini

Dewan Rakyat

semalam.

Beliau menjawab soalan Datuk Seri Anwar Ibrahim (**PH-Port Dickson**) berhubung tindakan segera dan langkah-langkah efektif jangka pendek, sederhana dan jangka panjang NACCOL untuk menangani krisis kenaikan harga barangan.

Mustapa berkata, kerajaan mengambil tindakan segera dalam usaha menstabilkan harga barang keperluan melalui Kementerian berkaitan.

Menurut beliau, kerajaan antaranya telah melaksanakan program Jualan Keluarga Malaysia serta memberi kebenaran mengimport ayam.

8/12/2021

SINAR
HARIAN

BISNES

30

Sahut cabaran untuk bergelar usahawan tani

KANGAR - Setelah beberapa tahun menimba pengalaman dalam bidang servis komputer di Serdang, Selangor, Mohd Ashraf Shuib, 40, menukar haluan dengan memilih pertanian sebagai kerjaya baharu selepas pulang ke kampung halaman di Perlis.

Pemegang Ijazah Sarjana Muda Sains (Pembangunan Manusia) dari Universiti Putra Malaysia (UPM) ini cuba mencari pekerjaan yang serasi dengan dirinya, namun akhirnya nekad mengusahakan tanah milik arwah bapanya dengan tanaman pisang.

Menurutnya, pada masa sama, dia menyertai kursus teknik tanaman moden, iaitu fertigasi di Kuala Ibai, Terengganu untuk menambah ilmu dalam sektor pertanian.

"Pada ketika itu, kerajaan turut galakkan siswazah untuk bertani melalui Skim Belia Tani.

"Seleasai kursus, saya bermula dengan RM500 untuk tanam 10 polibeg cili secara fertigasi di tepi rumah. Setelah yakin dengan projek itu, saya tambah lagi ke pada 150 polibeg," kata anak kedua daripada tiga beradik ini.



Mohd Ashraf (kiri) bersama pelanggan yang datang ke Kedai Hidroponik Abi Agro.



Mohd Ashraf menunjukkan sayur pak choy yang segar di Kebun Hidroponik Abi Agro.

Mohd Ashraf berkata, pada 2008, dia diberikan peluang sebagai inkubator tanaman rock melon secara fertigasi di Jabatan Pertanian Perlis dan diajar secara teori dan praktikal tentang tanaman tersebut.

"Sekitar 2010, saya bersihkan kebun pisang dan tanam rock melon. Saya mohon pinjaman Skim Belia Tani dari Jabatan Belia dan Sukan untuk bina enam buah rumah lindungan hujan mini dan 1,000 polibeg sistem fertigasi," katanya.

Menurut Mohd Ashraf, lima tahun kemudian, dia menulis

buku panduan penanaman di rumah bertajuk 'Jimat Dari Dapur' bersama pengasas kumpulan Facebook Kebun Bandar, iaitu Izham Alias.

"Setahun selepas itu, saya buka Kedai Hidroponik Abi Agro di Pertubuhan Peladang kawasan Paya Perlis. Pada tahun 2018, Abi Agro berpindah ke kedai berdekatan Pertubuhan Peladang Negeri Perlis kerana barang jualan semakin banyak dan perlukan ruang lebih luas," katanya kepada *Sinar Harian*.

Menurutnya, selepas itu, dia berusaha mempelbagaikan

tanaman dengan menanam sawi secara hidroponik sebanyak 1,000 lubang di kebun fertigasi.

"Hasil kejayaan itu, kami peroleh dana Geran Agropreneur Muda melalui Lembaga Pertubuhan Peladang Perlis untuk ubah kebun fertigasi kepada kebun hidroponik sebanyak 5,000 lubang dan fokus kepada pengeluaran sawi hidroponik.

"Pada 2020, kami ubah konsep kebun hidroponik kepada kebun agropelancongan yang dirasmikan oleh Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail dengan nama

Kebun Hidroponik Abi Agro.

Saya juga aktif menulis buku panduan hidroponik antaranya, Teknik Hidroponik: Panduan Memulakan Tanaman Tanpa Tanah dilancarkan pada April 2021 oleh Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh sempena Jelajah Agropreneur Muda di Kebun Hidroponik Abi Agro," katanya.

Tambahnya, jauh bangun dalam perniagaan ibarat roda, sekejap di atas, sekejap di bawah dan dirinya tidak terkecuali berdepan pelbagai cabaran.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/12/2021	HARIAN METRO	LOKAL	21



NURUL Ashikin memeriksa terung yang ditanam di rumahnya.

Tanam sayur jana pendapatan sampingan

Melaka: Bermula sekadar hobi bagi mengisi masa lapang dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sejak Mei tahun lalu, kini aktiviti menanam sayur memberi pendapatan sampingan buat dua sahabat Nurul Ashikin Abdul Halim, 28, dan Norhaya Jamal, 38.

Nurul Ashikin berkata, bermodalkan RM50, mereka mula menanam sayur menerusi teknik hidroponik menggunakan bahan kitar semula seperti botol, gabus dan besen di belakang rumah mereka, di Kampung Tambak Sebelong di sini.

Walaupun usaha itu tidak menjadi pada mulanya, penerbit rancangan Radio Televisyen Malaysia Melaka itu berkata, mereka tidak berputus asa sebelum mengikuti kursus tanaman hidroponik di Bukit Durian.

"Kami gembira apabila tanaman sawi dan bayam membuahkan hasil dalam tempoh dua minggu, sekali gus memberi semangat untuk kami terus bercucuk tanam pelbagai sayur-sayuran, menggunakan kaedah hidroponik dan pasu.

"Mulanya hasil tanaman

berkenaan digunakan sendiri untuk memasak dan diberikan kepada jiran terdekat. Sambil bercucuk tanam sambil berkongsi rezeki dan kini ia menjadi sebahagian pendapatan sampingan apabila sayur berkenaan dijual secara kecil-kecilan kepada kenalan terdekat," katanya.

Nurul Ashikin berkata, sehingga kini mereka tidak lagi membeli sayur-sayuran seperti sawi, bayam, terung panjang dan bulat, bendi merah dan hijau, tomato, bayam Brazil, kubis bunga, daun sup, cili padi, cili hidup, bunga telang dan cili benggala di kedai atau pasar sekali gus menjimatkan perbelanjaan dapur.

Anak sulung daripada lima adik-beradik itu berkata, dia dan Norhaya memperbesarkan skala tanaman mereka dengan membeli set hidroponik sebanyak 200 lubang supaya lebih banyak hasil dapat dikeluarkan.

"Kami hanya berbelanja lebih RM3,000 untuk membeli pasu, tanah dan baja organik serta set hidroponik, tetapi nilai sayur-sayuran yang diperoleh agak berbaloi," katanya. - Bernama

8/12/2021

SINAR
HARIAN

NASIONAL

14

Program Jualan Keluarga Malaysia tarik 28,985 pengunjung

SHAH ALAM - Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) mendapat sambutan menggalakkan apabila menerima kunjungan seramai 28,985 orang lebih mencecah jualan lebih RM423,000 bagi sesi pertama bermula pada Sabtu dan Ahad.

Program jualan barangan keperluan itu diadakan serentak di Pahang, Terengganu, Kelantan, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Sabah, Sarawak, Labuan, Kedah, Pulau Pinang

dan Perak.

Menurut Pengarah Kanan Sektor Perdagangan Pengedaran Perniagaan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDN-HEP), Shamsuzaman Sulaiman, antara barangan yang mendapat permintaan tinggi dan habis dijual ialah ayam, telur, ikan dan minyak masak.

Selain itu, jelas beliau, turut

laris dijual ialah barangan keperluan harian lain seperti sayur-sayuran, beras, gula dan tepung.

"Susulan harga barang mentah serta barang keperluan asas dijual jauh lebih murah berbanding harga pasaran terkini, ia mendapat sambutan menggalakkan daripada masyarakat di seluruh negara."

"Sesi pertama berlangsung pada Sabtu serta Ahad dan kita



SHAMSUZAMAN

menerima kunjungan seramai 28,985 orang, malah jualan turut mencecah lebih RM423,000 dalam masa dua hari," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* pada Selasa.

PJKM dilaksanakan dengan usaha pelbagai agensi kerajaan seperti KPDNHEP negeri, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM).

Turut serta ialah Persatuan Nelayan Kebangsaan (Nekmat), Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Pertubuhan Peladang

Kebangsaan (Nafas) dan pemain industri peruncitan.

Pelaksanaan PJKM ini juga bertujuan untuk mencari penyelesaian terhadap situasi kenaikan harga barangan ketika ini di samping membantu meringankan kos sara hidup rakyat.

Bagi pelaksanaan PJKM seterusnya, Shamsuzaman berkata, pihaknya sedang mengenal pasti lokasi bersesuaian untuk dimuktamadkan dengan mengambil kira maklum balas daripada pengunjung.

8/12/2021

BERITA
HARIAN

KOMENTAR

11

Jadikan kebun bandar barisan hadapan sekuriti makanan

Oleh Prof Madya Dr Mohd Rattazi
Mohd Hussain
bhrencana@bh.com.my



Pensyarah Kanan
Jabatan Semibina
Landskap, Kuliyah
Seni Bina dan
Reka Bentuk Alam
Sektar (KAED),
Universiti Islam
Antarabangsa
Malaysia (UIAM)

Dalam keadaan harga jualan makanan dan sayur semasa meningkat begitu tinggi, usaha penanaman sayur-sayuran berkelompok di kawasan terbiar di bandar serta pinggir bandar dapat mengurangkan sedikit sebanyak keperluan setempat.

Paling tidak, membantu keperluan isi rumah dan kegunaan sendiri. Ini idea serta inisiatif yang perlu diketengahkan sebagai usaha berterusan agar dapat mengurangkan kebergantungan sayuran dari luar semata-mata.

Dengan populasi semakin meningkat dan pembangunan pembandaran besar-besaran, tanah subur kian berkurangan. Kebun bandar ialah penyelesaian berkemungkinan untuk menggunakan tanah tersedia bagi menghasilkan sumber makanan setempat.

Contohnya, taman di atas bumbung bukan sahaja mengambil ruang minimum, bahkan dapat dijadikan kawasan tanaman sayuran yang sesuai. Lebih-lebih lagi, ruang itu akan menjadi sia-sia jika tidak dimanfaatkan. Malah, taman menegak boleh disediakan di mana sahaja, termasuk di dalam rumah.

Pertanian bandar atau kebun bandar merujuk kepada menanam tumbuhan dan memelihara haiwan menghasilkan makanan dalam bandar serta luar bandar.

Ia merangkumi pemprosesan, kemudian mengedarkan hasil ke seluruh bandar. Inisiatif kebun bandar bukan baharu, malah dilaksanakan di setiap bandar global.

Konsep kebun bandar menjadi cara terbaik untuk meningkatkan akses makanan tempatan dan memperkenalkan semula banyak aspek makanan yang hilang sebagai budaya kepada orang ramai.

Bagaimana proses penghasilan makanan berkembang, apakah yang tumbuh secara serantau dan bermusim adalah pengajaran penting, sekali gus menjadikan pengguna bandar lebih berpengetahuan. Oleh itu, kebun bandar boleh menjadi barisan hadapan sistem makanan.

Disebabkan peningkatan teknologi, kita boleh menanam sayur-sayuran di tempat yang sebelum ini sukar atau hampir mustahil. Ladang bandar boleh sama ada di taman komuniti luar kecil tradisional atau ladang menegak moden dalam reka bentuk bandar.

Ladang futuristik boleh direka dalam pelbagai cara, tetapi kebanyakannya mempunyai barisan rak dipenuhi tumbuhan berakar umbi dalam tanah, air atau udara kaya dengan nutrien.

Sesetengah ladang bandar dibina secara eksklusif untuk program pendidikan dan latihan. Namun, ba-



Kebun bandar inisiatif hasilkan sumber makanan setempat elak bergantungun sayuran dari luar. (Foto hiasan)

nyak dibina untuk meningkatkan akses makanan dalam komuniti tertentu atau meneruskan budaya masakan tradisional.

Ada dibina sebagai menambah sumber kewangan dan boleh menjadikan pertanian bandar berdaya maju serta lebih bertanggungjawab terhadap alam sekitar. Kebun bandar juga dapat meningkatkan akses makanan segar untuk komuniti kurang bernasib baik dari segi ekonomi.

Kebun bandar dapat meningkatkan sumber 'sekuriti makanan' setempat. Keselamatan makanan bermakna kita mempunyai akses jumlah makanan mampan mencukupi untuk kegunaan setempat. Ini kebimbangan serius bagi banyak keluarga di seluruh dunia.

Kebun bandar boleh dikembang dan dijayakan dengan cara betul serta tersusun sebagai penyelesaian boleh dilaksanakan untuk masalah ini. Namun, tunjuk ajar dan bantuan permulaan oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) dapat melancarkan program kebun bandar ini.

Malah, petani bandar juga boleh menjual hasil tuaian dan menyimpan selebihnya untuk kegunaan sendiri.

Program dan aktiviti kebun bandar ialah cara menarik untuk menyatukan orang ramai mewujudkan rasa kemasyarakatan dalam kalangan kumpulan penduduk terpencil. Contohnya, apabila penduduk kejiranan, keluarga, rakan atau kadangkala orang tidak dikenali bekerjasama untuk memastikan tumbuhan hidup di taman komuniti, ia mengembangkan rasa kekitaan dalam masyarakat.

Inisiatif kebun bandar dapat menjadi sebahagian kawasan tadahan dan menyerap air hujan lebat di bandar; dapat menurunkan kesan pulau haba bandar; kawalan perosak dan penjimatan kos tenaga berterusan. Ini secara tidak langsung menyumbang ciri dan kriteria bandar sejahtera serta berdaya hu-

NACCOL perinci langkah bantu rakyat

**Inisiatif
bersepadu
tangani, kawal isu
kenaikan harga
barang keperluan**

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) akan bersedia esok bagi memperlincikan langkah menyeluruh dan bersepadu dalam usaha kerajaan menangani serta mengawal kenaikan harga barang keperluan dan kos sara hidup rakyat.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed, berkata mesyuarat berkenaan akan dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk

Seri Ismail Sabri Yaakob.

"Tindakan jangka sederhana dan panjang akan dibentangkan oleh Kementerian-Kementerian yang berkenaan pada mesyuarat itu.

"Antara perkara akan dibincangkan ialah pergantungan kepada import, kos input makanan, isu buruh asing, skim subsidi, geran dan pinjaman mudah, teknologi pertanian serta penyelidikan dan pembangunan (R&D)," katanya ketika menjawab soalan Datuk Seri Anwar Ibrahim (PH-Port Dickson) pada Waktu Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat, semalam.

Menjawab soalan tambahan Anwar mengenai kelewatan mesyuarat itu diadakan, Mustapa menjelaskan, kerajaan sudah mengambil tindakan segera melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) serta Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) bagi menstabilkan harga barang keperluan.



Kerajaan menyedari kenaikan harga barang keperluan adalah masalah besar yang dihadapi rakyat dan tindakan segera perlu diambil untuk mengawalinya. (Foto hiasan)

"Tahun lalu, mesyuarat jawatankuasa (untuk menangani) kenaikan harga barang keperluan adalah masalah besar yang sedang dihadapi oleh rakyat dan tindakan segera perlu diambil untuk mengawalinya.

"Sebab itulah dalam setiap mesyuarat Jemaah Menteri, selalu ditekankan mengenai perkara ini. Walaupun belum dipanggil lagi mesyuarat (NACCOL dan Jawatankuasa Khas Kabinet), mesyuarat Jemaah Menteri sudah mengarahkan segala usaha dan tenaga oleh semua kementerian serta agensi bagi memastikan kenaikan harga ini dapat dikawal," katanya.

Terdahulu, Anwar ketika mengemukakan soalan tambahnannya mempersoalkan kelewatan kerajaan memanggil mesyuarat NACCOL dan Jawatankuasa Khas Kabinet, ketika peniaga serta rakyat terus ter-

beban dengan kesan kenaikan harga barang keperluan.

Ketika menjawab soalan asal Anwar pula, Mustapa memaklumkan pada minggu lalu, Perdana Menteri sudah mengumumkan kebenaran untuk mengimport ayam bulat bersifat semestara untuk menampung kekurangan bekalan ayam dalam pasaran, selain peruntukan RM262 juta bagi membantu peladang dan petani yang terjejas akibat kenaikan harga baja serta racun.

"Melalui Bajet 2022, kerajaan sudah memperuntukkan RM31 bilion dalam bentuk subsidi, bantuan dan insentif, termasuklah pemberian subsidi petrol RON95 dan diesel, serta minyak masak dan tepung.

"Sebagai contoh, Bajet 2022 memperuntukkan RM200 juta bagi membantu mengurangkan harga barang keperluan penduduk luar bandar dan RM400 juta untuk menstabilkan harga minyak masak," katanya.



Mustapa Mohamed

8/12/2021

THE STAR

NEWS

4

Idle, reserve land to be farmed to address food security

SELANGOR plans to address food security in the state by turning idle land into high yielding farms.

State infrastructure and public amenities, agriculture modernisation and agro-based industry committee chairman Izham Hashim said Selangor was working with government-linked companies (GLC) and state agencies to make use of their land banks for agricultural projects.

"We are discussing with GLCs and agencies on idle land which had not been earmarked for development for at least the next 10 years.

"Land measuring less than 40ha can be developed into Smart Selangor Agro Farm (SSAF), while

larger ones are suitable for Smart Selangor Agro Park (SSAP) projects," he said during the state assembly sitting at Bangunan Dewan Negeri Selangor in Shah Alam yesterday.

In reply to a question by Datuk Dr Ahmad Yunus Hairi (PN-Sijangkang), Izham added that to date, the state had identified a 48ha site in Sungai Air Tawar and 22ha site in Sungai Panjang, Sabak Bernam, that were expected to start operations next year, to address food security.

High value crops such as MD2 pineapple, roselle, melon and corn are among those identified to be grown on these sites.

"The state is in the process of gazetting these sites as agricultural

land, including an area in Bukit Changgang which has 30 participants on site now.

"We also have mentors to help guide those keen to venture into this area.

"We are encouraging young agropreneurs to get involved too," he said.

Izham said 11 permanent food production parks, totalling 1,300ha in Selangor, could generate RM38mil in production value a year.

"These plans and policies are aimed at reducing the state's dependence on fresh agricultural imports and creating more new agropreneurs, while enhancing skills and capabilities of existing

agropreneurs," he said. Izham said besides this, Selangor was looking at putting river and Tenaga Nasional Bhd reserve land to good use in urban or highly populated areas.

He also announced that each assemblyman would be allocated one tonne of organic fertiliser to be distributed to urban farms and community gardens within their constituencies.

Meanwhile, state local government, public transportation and new village development committee chairman Ng Sze Han said two community halls would be built in Taman Templer state constituency.

He said construction work for Dewan Setia Eco was expected to

begin in February next year and would be handed over to Selangor Municipal Council (MPS) by July 2023.

"The hall is being built together with a Rumah Selangorku project but we have asked the developer to complete the hall soon as the community needs it.

"The second facility is being planned in Bandar Baru Selayang next to the MPS food court.

"The proposed site is on government land.

"MPS had submitted an application letter to the Gombak District and Land Office to build the community hall," he said in response to a question from Mohd Sany Hanzan (PH-Taman Templer).

PERAK

Give incentives to young farmers, says Malim Nawar youth assembly rep

By IVAN LOH
ivanloh@thestar.com.my

MALIM Nawar near Kampar has ample idle land suitable for agriculture, says a Perak Youth Assembly representative.

Perak Youth Assembly Malim Nawar representative Wong Chun Ho said the state government should consider leasing the land to youths to encourage their involvement in agriculture.

"The state can build the constituency as a centre for agricultural production.

"Idle state land, belonging to the State Agriculture Development Corporation (SADC) or State Economic Development Corporation (SEDC), can be leased

hike in vegetable and meat prices.

"This will also help reduce the unemployment rate," he added.

Wong said there should be some form of incentive to attract youths to get involved in agriculture.

"They should be given priority when considering applications for idle land.

"I also hope the state considers giving youths a special lease rate to work on the lands," he said.

Wong added that special lease rates and grants should be extended to joint venture projects initiated between youths of various races that reflect the Malaysian Family concept.

"Land and district offices, including the SADC and SEDC, should hold dialogues with repre-



Wong says idle state land should be leased to young farmers. — Filepic

ing the state Youth Assembly sitting in Ipoh.

"It will create more opportunities for youths while mobilising them to help address the recent

sentatives from the Youth

Assembly to intensify efforts to get youths to farm idle land," he said, adding that a special secretariat, comprising these government agencies should be set up to achieve this.

Youth representatives, he added, could be allocated funds to conduct empowerment programmes in their respective areas.

"Perhaps, the state can consider looking into setting aside between 5% and 10% of a state assemblyman's allocation to be used by youth representatives.

"This will not add to the state's financial burden but will enhance cooperation between youth representatives and their respective assemblymen," he said.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/12/2021	UTUSAN MALAYSIA	MUKA DEPAN	1

Langkah drastik atasi kenaikan, stabilkan harga barang

Skim harga dilancar

Oleh ALYA AFIOAH

ACHMAD TARMIZI

utusannews@media.mulla.com.my

GOMBAK: Kerajaan melaksanakan skim harga berkuat kuasa semalam sehingga 31 Disember ini sebagai langkah drastik me-

ngatasi isu kenaikan dan menstabilkan harga barangan keperluan asas pada masa ini.

Skim harga baharu tersebut meliputi 12 jenis barangan keperluan asas berkuat kuasa di peringkat ladang sehinggalah ke pemborong yang tertakluk de-

ngan rantaian pembekalan.

Pengarah Penguatkuasa, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Penggubana (KPDNHEP), Azman Adam berkata, kegagalan mematuhi skim tersebut boleh menyebabkan pengeluaran, pemborong, pe-

ngedar dan penjual dikenakan tindakan tegas.

Katanya, skim harga berkenaan dilancarkan untuk mengatasi kenaikan harga barangan dan pihak Kementerian telah memilih 12 jenis barangan antaranya barangan basah seperti ayam, telur

ayam dan sayur-sayuran. "Senarai barang yang dipilih adalah pilihan bagi golongan B40 dan M40 yang berpotensi untuk naik lagi harganya, jika tiada pemantauan dari kerajaan.

Bersambung di muka 12

Pemborong rayu jangan import ayam

Oleh MUHAMMAD ZIKRI
utusannews@mediamula.com.my

PONTIAN: Pemborong dan pembekal ayam meminta kerajaan tidak membawa masuk ayam import selain menetapkan harga siling di pihak mereka pada RM8.30 sekilogram berbanding RM8 bagi mengelak kerugian.

Keputusan membawa masuk ayam berisiko 'melenyapkan' pusat penyembelihan ayam kecil-kecilan terutama dimiliki bumiputera kerana tidak mampu bersaing dengan ayam import.

Pengarah Urusan NB Poultry Processing Industries Sdn. Bhd., Baharudin Ahmad berkata, harga siling dimohon kerana mengambill kira upah memproses ayam 60 sen seekor, pembungkusan sebelum dihantar kepada pelanggan 40 sen dan ayam siap diproses alami susut berat sekitar 350 gram bagi setiap ekor ayam dua kilogram.

Katanya, pihak berkuasa juga seperti terlepas pandang kos penghantaran kerana mereka perlu mengeluarkan perbelanjaan minyak dan upah pemandu dan pembantu pemandu.

Katanya, jika kerajaan mengambil perkiraan itu termasuk harga peruncit, rangka-



ORANG ramal mendakwa ayam kini dijual mahal hingga mencecah RM9.50 sekilo. - UTUSAN/IQBAL HAMDAN

ian yang terlibat termasuk pusat penyembelihan tidak akan terbeban dengan kos yang mereka perlu tanggung.

"Pemborong hanya minta perkiraan kos yang betul, kami bukan fikir untung semata-mata, tetapi cukuplah kos yang dikeluarkan dapat diserap semula," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Baharuddin berkata demikian ketika diminta mengulas langkah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) akan mengimport 200 hingga 300 kontena ayam sejuk beku bagi menstabilkan harga ayam.

Tambahnya, langkah yang diambil bukan jalan penyelesaian terbaik kerana isu utama seperti dedak ayam dan harga anak

ayam masih gagal ditangani kerana faktor itu yang mempengaruhi harga di pasaran.

Ujar beliau, tindakan membawa masuk ayam dari luar juga dikhawatiri akan menyebabkan banyak pusat penyembelihan berskala kecil terpaksa ditutup apabila peruncit mula beralih kepada ayam yang diimport.

"Keadaan ini biasanya akan

melibatkan pusat-pusat penyembelihan bumiputera kerana mereka tidak mampu bersaing untuk memasuki pasaran seperti di restoran makanan segera terkenal yang menggunakan ayam sebagai menu utama.

"Maka diharapkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Pengguna (KPDNHEP) dan MAFI dapat duduk semeja semula bagi membincangkan masalah harga ayam secara terbuka bersama pemain industri," jelasnya.

Sementara itu, Pengurus Azmi Fresh Chicken Sdn. Bhd, Mohd. Azmi Abdullah meminta kerajaan menubuhkan sebuah perbadanan bagi mengawal harga dedak yang kini dikawal oleh syarikat-syarikat besar.

Katanya, selagi isu dedak masih membelenggu penternak, maka isu kenaikan harga akan terus berlaku ditambah kenaikan kos-kos lain yang berkaitan industri tersebut.

Beliau juga menyarankan kerajaan menghentikan eksport ayam ke Singapura yang mana menawarkan harga belian ladang lebih menarik kepada penternak. Sehingga memberikan kesan kepada pengguna tempatan.

Skim harga dilancar

Dari muka 1

"Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM) sebagai langkah menstabilkan harga barangan keperluan di samping memastikan keberadaan bekalan di pasaran," katanya.

Beliau sebelum itu melakukan tinjauan harga di pasar Taman Sri Gombak, di sini.

Melalui skim harga baharu itu, tiga kategori ayam, iaitu ayam hidup berharga RM6.20 di ladang dan RM6.70 harga borong. Harga ayam standard (disembelih dan dibersihkan beserta kaki, kepala, hati dan hempedal atau mana-mana bahagian) RM8.00 di pasar borong dan RM9.30 di pasar runcit. Sementara itu, harga ayam super (disembelih dan dibersihkan tanpa kaki, kepala, hati dan hempedal) di pasar borong berharga RM9.30 dan RM10.30 di pasar runcit.

Harga sebiji telur yang terdiri gred A, harga ladang 40 sen, harga borong 42 sen dan harga runcit 44 sen.

SKIM HARGA MAKSIMUM KELUARGA MALAYSIA (SHMKM)

KATEGORI	LADANG	BORONG	RUNCIT
Ayam (sekilo)			
Ayam Hidup	RM6.20	RM6.70	
Ayam Standard	RM8.00	RM9.30	
Ayam Super	RM9.30	RM10.30	
Telur Ayam (sebiji)			
Telur Ayam Gred A	RM0.40	RM0.42	RM0.44
Telur Ayam Gred B	RM0.38	RM0.40	RM0.42
Telur Ayam Gred C	RM0.36	RM0.38	RM0.40
Sayur-sayuran (sekilo)			
Cili Merah	RM15.00	RM17.00	
Tomato	RM4.50	RM5.50	
Sawi Hijau	RM6.00	RM7.00	
Kubis Bulat Import (Indonesia & China kecuali Beijing)	RM3.50	RM4.50	
Kacang Panjang	RM6.00	RM7.00	
Timun	RM3.50	RM4.50	

Telur Gred B pula, harga ladang adalah 38 sen, harga borong 40 sen dan harga runcit 42

sen manakala Gred C pula harga ladang adalah 36 sen, harga borong 38 sen dan harga runcit

40 sen.

"Harga sayur-sayuran pula, bagi sekilo kacang panjang bernilai RM6 di pasar borong dan RM7 di pasar runcit. Harga Cili Merah sekilo adalah RM15 di pasar borong dan RM17 di pasar runcit.

"Harga Tomato bernilai RM4.50 sekilo di pasar borong dan RM5.50 sekilo di pasar runcit. Sekilo Sawi Hijau pula berharga RM6 di pasar borong dan RM7 di pasar runcit.

"Harga Timun dan Kubis Bulat Import (Indonesia dan China tidak termasuk Beijing) di pasar borong berharga RM3.50 sekilo dan RM4.50 sekilo di pasar runcit," ujarnya.

Jelasnya, senarai barang yang telah dipilih adalah pilihan barangan ramai bagi golongan B40 dan M40 dan juga berpotensi untuk naik lagi harganya, jika tiada pemantauan dari kerajaan.

"Dari tinjauan hari ini, kami dapat maklumat dari peniaga-peniaga, harga telah turun, dari peringkat pembekal juga telah turun. Ini membolehkan

peniaga-peniaga menjual barangan tersebut dengan harga kita tetapkan.

"Skim ini dilaksanakan atas semua peringkat. Berkuatkuasa di peringkat ladang dan di peringkat pemborong perlu mengikut skim ini, jadi semua pihak dalam rantaian pembekalan tertakluk dalam skim harga ini," ujarnya.

Tambahan Azman, beliau menggalakan rakyat, pengguna dan peniaga membuat aduan kepada KPDNHEP agar boleh membantu dan menyiasat isu tersebut secepat mungkin, juga sertakan sekali maklumat yang tepat bersama aduan tersebut.

Terdahulu akhbar ini melaporkan, seluruh negara menyaksikan peningkatan harga barangan keperluan harian, peralatan binaan, input pertanian dan makanan daripada sekecil-kecil sebiji burger sehingga kabel pendawaian elektrik yang memberi kesan kepada pelbagai pihak di peringkat pembekal, kontraktor, peniaga serta pengguna.

8/12/2021

SINAR
HARIAN

NEGERI KELANTAN

26



Adnan (kanan) bertanya sesuatu kepada peniaga ayam ketika Program Walkabout Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia di Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC), Tunjong, Kota Bharu pada Selasa.

Pembekal dan peniaga ayam beri alasan dedak naik harga

KOTA BHARU - Harga dedak naik merupakan alasan paling banyak diterima Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Kelantan daripada pembekal dan peniaga ayam mentah di negeri ini. Pengarah KPDNHEP Kelantan, Adnan Abd Rahman berkata, pembekal dan peniaga mendakwa menerima bekalan ayam dengan harga lebih tinggi berbanding sebelum ini.

"Peniaga menerima bekalan ayam daripada pembekal dengan modal yang lebih tinggi berbanding harga biasa.

"Mereka memberikan alasan bahawa harga dedak naik menyebabkan harga ayam juga naik sehingga mencecah RM9 sekilogram atau lebih tinggi," katanya pada sidang akhbar di Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Tunjong di sini pada Selasa.

Beliau berkata demikian se-

lepas menghadiri Program Walkabout Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia bagi memantau harga maksimum barang terpilih.

Sementara itu, Adnan berkata, setakat ini belum ada sebarang kompaun dikeluarkan kepada peniaga atau pembekal berkaitan isu kenaikan harga ayam.

Bagaimanapun pihaknya tidak akan berkompromi dengan isu tersebut dan akan meneruskan penguatkuasaan.

8/12/2021

BERITA
HARIAN

MUKA DEPAN

1



Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM) berkuat kuasa

Pengarah Penguat Kuasa KPDNHEP Selangor, Azman Adam (kiri) membuat pemantauan harga ayam yang termasuk dalam 12 senarai Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia di Pasar Taman Seri Gombak, Batu Caves, semalam. **Nasional 16**

(Foto Fariz Iswadi Ismail/ BH)

Manipulasi orang tengah punca harga hasil pertanian melambung

Oleh Ilah Hafiz Aziz
illahhafiz.abdulaziz@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kementerian Pertanian dan Industri Maknan (MAFI) mendedahkan peningkatan harga hasil pertanian dan penternakan di pasaran kebelakangan ini adalah disebabkan orang tengah yang tidak bertanggungjawab.

Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, berkata biarpun sektor pengeluaran dalam industri pertanian mengalami peningkatan sehingga 30 peratus, manipulasi orang tengah dalam rantaian pemasaran menyebabkan harga di pasaran menjadi terlalu tinggi.

"Keadaan ini mengakibatkan pengguna menerima kesan apabila harga yang sam-

pai kepada mereka meningkat melebihi 100 peratus.

"Sememangnya antara cabaran dalam industri pertanian dan penternakan hari ini antara lain adalah disebabkan kecenderungan orang tengah yang memanipulasi harga dan peranan mereka dalam semua subsektor.

Nasional 16

Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia

Laksana SHMKM stabil harga barang

Senarai barang akan dikaji, ditambah ikut situasi pasaran

Oleh Ruwaida Md Zain
bhnews@bh.com.my

Gombak: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) melaksanakan Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM) sebagai langkah menstabilkan harga barangan keperluan semasa dan memastikan keberadaan bekalan di pasaran.

Pengarah Bahagian Penguat Kuasa KPDNHEP, Azman Adam, berkata skim itu berkuat kuasa mulai semalam hingga 31 Disember ini, membabitkan kawalan harga ke atas barangan seperti ayam, telur ayam dan beberapa jenis sayur-sayuran.

"Barangan terbahagi adalah ayam hidup, ayam standard, ayam super, telur ayam gred A, telur ayam gred B, telur ayam gred C.

"Turut tersenarai kacang panjang, cili merah, tomato, sawi hijau, kubis bulat import (Indonesia dan China tidak termasuk Beijing) dan timun," katanya.

Beliau berkata demikian ditemui selepas memantau pelaksanaan hari pertama SHMKM di



Azman (dua dari kanan) membuat pemantauan Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia di Pasar Taman Sri Gombak. (Foto Fariz Ismail/BH)

Pasar Sri Gombak, semalam.

Azman berkata, senarai barangan akan dikaji secara berterusan dan ditambah atau digugurkan berdasarkan penilaian situasi pasaran.

"Semua pihak di seluruh rantau bekalan dari kalangan pengeluar, pemborong, pengedar dan penjual dinasihat serta diberi amaran mengenai tindakan tegas atas kegagalan mematuhi skim ini dan bagi barang keperluan pengguna lain.

"Penguat kuasa KPDNHEP akan berada di lokasi yang menjadi tumpuan orang ramai membeli-belah seperti pasar awam, pasar tani dan pasar raya untuk menjalankan pemeriksaan dan pemantauan.

"Langkah ini mencerminkan usaha berterusan bagi melindungi

ngi pengguna daripada aktiviti pengambilan keuntungan berlebihan oleh peniaga tidak beretika," katanya.

Pada masa sama, katanya, tindakan tegas akan diambil terhadap peniaga yang gagal mematuhi peraturan mengikut SHMKM dan akan dikenakan tindakan mengikut Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011.

Azman berkata, KPDNHEP turut meningkatkan pemantauan harga melalui pegawai pemantau harga yang menjalankan pemantauan harga barangan keperluan asas di seluruh negara.

Katanya, pelbagai medium penyaluran aduan disediakan bagi memudahkan rakyat mengemukakan aduan berkaitan isu harga.

Petani diminta manfaat teknologi tingkatkan hasil

Dari Muka 1

"Kita lihat ada peningkatan harga antara 20 hingga 30 peratus dalam sektor pengeluaran tetapi harga di pasaran meningkat melebihi 100 peratus.

"Ini bermakna terdapat unsur rantalan pemasaran yang dimanipulasi oleh pihak tertentu," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT) ke-36, di sini, semalam.

Turut hadir, Timbalan Menteri 1 MAFI, Datuk Seri Ahmad Hamzah; Ketua Setiausaha MAFI, Datuk Haslina Abdul Hamid dan Pengerusi Lembaga Pengarah NEKMAT, Abdul Hamid Bahari.

Ronald berkata, menangani isu orang tengah bukan sesuatu perkara yang mudah kerana ia telah dibangkitkan sejak sekian lama.

"Ia sudah lama berlaku, malah dalam pengajian pentadbiran perniagaan, isu orang tengah ini sering dibangkitkan dalam aspek pemasaran.

"Bukan sesuatu yang mudah untuk Kementerian menangani peranan orang tengah yang memanipulasi harga ini, tetapi kita mempunyai pelbagai inisiatif antaranya menerusi pemasaran secara 'e-dagang'.

"Kami meminta setiap petani atau penternak bersedia dengan konsep pemasaran sebe-

gini, yang dilihat berpotensi untuk membantu industri pertanian negara," katanya.

Negara kini berdepan dengan isu kenaikan harga barangan keperluan termasuk makanan seperti harga ayam dan sayur sehingga menimbulkan kekusaran rakyat.

Ia diakui sendiri Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob yang berkata, kerajaan berusaha mengatasinya dengan melaksanakan beberapa langkah jangka pendek dan panjang, antaranya mengimport ayam serta ikan beku dari luar negara serta melancarkan Jualan Keluarga Malaysia.

Sehubungan itu, Perdana Menteri pada Rabu lalu juga mengarahkan Kementerian Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) melakukan penguatkuasaan tegas tanpa kompromi terhadap pihak yang memanipulasi harga bahan makanan.

Sementara itu, Roland menggesa orang ramai khususnya petani tempatan memaksimumkan penggunaan teknologi untuk meningkatkan hasil pengeluaran.

Katanya, pertanian pintar adalah antara penggunaan teknologi yang boleh dikembangkan kerana ia boleh meningkatkan hasil pengeluaran serta mengurangkan kos.

"Ia perlu menjadi aspirasi untuk semua, petani seperti mengendalikan pertanian menerusi aplikasi sahaja," katanya.

Status halal ayam import dipantau 3 agensi

Kuala Lumpur: Kerajaan hanya mengambil bekalan ayam import daripada loji pengeluar diiktiraf oleh tiga agensi yang memantau serta mengeluarkan sijil halal.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Klandee, berkata tiga agensi berkenaan ialah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Kementerian Kesihatan (KKM).

"Tiga agensi ini memantau dan mengeluarkan sijil pengiktirafan kepada loji pengeluar dari luar negara, semua pengimportan ayam hanya dibenarkan daripada loji yang diiktiraf dari segi kesihatan dan sijil halal.

"Kita sudah mengimport ayam

sejak sekian lama dan semuanya dari loji diiktiraf kerajaan," katanya pada sidang media selepas merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT) ke-36 di sini, semalam.

Beliau berkata, pengimportan ayam bertujuan mengatasi isu kekurangan bekalan ayam tempatan sejak beberapa bulan lalu. Inisiatif itu, katanya, adalah bersifat sementara dan akan dihentikan selepas bekalan di pasaran mencukupi.

Kerajaan membenarkan pengimportan ayam bulat sejuk beku bagi tiga bulan bermula bulan ini hingga Februari depan, bertujuan menampung kekurangan di pasaran.



Ronald beramah mesra dengan pelajar cemerlang ketika merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan NEKMAT ke-36 di Tamu Hotel, semalam. (Foto Amirudin Sahib/BH)



PENTERNAKAN ayam dan itik untuk telur terus dibangunkan agar daya saing industri ini ditingkatkan.



Varia

Oleh
DR. SANSUL BAHRI
AHMAD

Ternakan berskala besar atasi harga tinggi

KENAIKAN harga makanan ternakan di pasaran global menyebabkan penternak berdepan kos tinggi bagi mendapatkan bekalan.

Kenaikan itu di luar kawalan kerajaan kerana harga makanan ternakan seperti jagung dan kacang soya semakin meningkat di pasaran dunia.

Kedua ini boleh mempengaruhi kenaikan harga ayam standard di pasaran tempatan ketika ini.

Terkini, harga ayam di pasaran antara RM9.50 hingga RM11.50 sekilogram.

Kenaikan turut berlaku kepada bekalan makanan ternakan lain seperti daging lembu segar, daging kambing segar dan sebagainya.

Industri ternakan terutama ternakan ruminan pada masa ini masih berskala kecil dan berpotensi untuk dikembangkan bagi menjamin bekalan makanan dalam negara serta mengurangkan daging import.

Antara isu dan cabaran dihadapi dalam pembangunan industri ini adalah kekurangan baka berkualiti, harga makanan ternakan tinggi serta kekurangan kepakaran dan tenaga kerja.

Dalam hal ini, transformasi industri ternakan perlu ditumpukan kepada perusahaan ternakan secara komersial, penghasilan baka ternakan berkualiti, penguasaan Amalan Pentermakan Haiwan Baik (GAHP) dan penghasilan rumusan makanan ternakan bermutu pada harga kompetitif.

Selain itu, aspek penyelidikan dan pembangunan dari segi kawalan penyakit haiwan dan kecekapan sistem ternakan juga harus diberi penekanan.

Industri bukan ruminan termasuk ayam, itik, babi serta telur (melibatkan ayam dan itik) yang mencapai tahap sara diri yang tinggi terus dibangunkan supaya daya saing serta keselamatan industri ini dapat ditingkatkan.

Dengan senario mencabar ini, industri ternakan masih kekal



KENAIKAN harga makanan ternakan di pasaran dunia dikatakan mempengaruhi kenaikan harga ayam di negara ini. - GAMBAR HIASAN

relevan dan ada potensi baik untuk dikembangkan.

Dasar dan polisi pembangunan ternakan boleh ditumpukan kepada usaha meningkatkan pengeluaran bagi memenuhi permintaan produk ternakan berkualiti tinggi di pasaran tempatan dan juga membuka ruang untuk eksport.

Pengeluaran ternakan terpilih akan diberi galakan bagi memenuhi permintaan bahan mentah yang dapat merangsang pertumbuhan industri pemrosesan berasaskan ternakan.

Sehubungan itu, pengeluaran ternakan ayam dan telur juga mesti ditingkatkan untuk memenuhi permintaan bahan mentah aktiviti pemrosesan hiliran.

Langkah-langkah untuk meningkatkan produk daging segar lembu, kerbau dan kambing serta produk tenusu bagi memenuhi permintaan tempatan akan dilaksanakan.

Rusa yang diternak sebagai daya tarikan agropelancongan pula

dipromosikan untuk dibela secara komersial sebagai alternatif sumber daging.

Ternakan lain yang turut diberikan perhatian adalah burung unta, puyuh, itik, angsa, ayam belanda, burung merpati, kijang dan lain-lain yang boleh diternak mengikut permintaan pasaran.

Kajian pembangunan berterusan dilaksanakan terhadap produk baharu yang berpotensi untuk dijadikan bahan makanan atas desakan permintaan tempatan serta luar negara.

Dalam pada itu, penyertaan sektor swasta dalam bidang ini turut diberikan galakan dan insentif.

Sistem perladangan tradisional secara kecil-kecilan yang kurang efisien dan produktif ditransformasi menjadi ladang berdaya maju dan berdaya saing.

Bagi merealisasikan program ini, penternak lembu tenusu, pedaging, kerbau, kambing dan rusa dibekalkan dengan baka ternakan bermutu tinggi untuk diabi.

Pentermakan secara komersial

berasaskan penggunaan teknologi moden perlu diberi galakan dan insentif.

Melalui program ini, penggunaan tanah secara optimum diberikan perhatian khusus seperti skim integrasi ternakan dengan tanaman komoditi atau tanaman hutan komersial.

Bagi menjamin bekalan baka ternakan bermutu tinggi sentiasa mencukupi, sektor swasta diberikan galakan dan insentif untuk menceburi bidang pengeluaran baka ternakan bermutu.

Ini dibuat melalui sistem pembiakan saintifik terancang di ladang pembiakan baka dan penetasan ternakan komersial.

Dalam perkembangan berkalutan, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan dijangka melaksanakan empat inisiatif bagi meningkatkan jaminan bekalan makanan sebanyak RM120 juta.

Inisiatif itu dijangka dapat meningkatkan sekuriti makanan negara melalui pengurangan import, khususnya makanan ternakan.

Ini merangkumi pelbagai projek Jaminan Bekalan Makanan melibatkan banyak negeri termasuk Pembangunan Industri Akuakultur dan Estet Kerang-Kerangan di Johor serta program Pemantapan Jaminan Bekalan Makanan Negara.

Ini bagi menyediakan kemudahan logistik dan pusat penyimpanan stok bekalan makanan serta hasil pertanian segar berteknologi tinggi untuk petani dan pengusaha agromakanan.

Selain itu, program Bantuan Insentif Makanan Ternakan Ruminan melalui Skim Harga Bersubsidi Dedak Isi Rong Sawit membolehkan penternak mendapatkan bekalan makanan ternakan pada harga murah.

DR. SANSUL BAHRI AHMAD ialah Pengarah Makmur Livestocks Sdn. Bhd., dan pernah bertugas sebagai Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Sembilan serta tenaga pengajar sepenuh masa Institut Veterinar Malaysia di Kluang, Johor.

8/12/2021

HARIAN

LOKAL

9

METRO

FOMCA SAMBUT BAIK IMPORT AYAM SEJUK BEKU

Dapat stabil harga ayam

Oleh Ekhwan Haque
Fazlul Haque
ekhwan@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Pengimportan ayam sejuk beku dilihat alternatif jangka pendek yang mampu menstabilkan ayam segar.

Timbalan Presiden Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (Fomca) Mohd Yusof Abdul Rahman berkata, pengimportan bahan mentah itu juga boleh memberikan pengguna pilihan sama ada mahu ayam segar mahu pun sejuk beku.

Beliau berkata, keputusan dibuat kerajaan itu dilihat sesuai dalam situasi semasa kerana perlu mewujudkan situasi menang-menang antara pengguna dan peniaga. "Keputusan untuk mengimport untuk munsabah dalam usaha untuk menstabilkan kembali harga ayam di pasaran yang memecah RM9.30 sekilogram.

"Apabila permintaan ayam segar menurun ia mungkin memberi kesan kepada penternak untuk kembali menurunkan harga," katanya kepada Harian Metro.

Beliau berkata, ayam sudah menjadi antara pilihan utama masyarakat susulan

namun dalam masa sama nasib peniaga dan penternak diberi perhatian. Baru-baru ini kerajaan membuat keputusan untuk mengimport ayam bulat sejuk beku bagi tempoh tiga bulan bermula bulan ini sehingga Februari 2022.

Kebiasaan mengimport bagi menampung kekurangan bekalan ayam di pasaran itu, membabitkan 10,000 tan metrik atau 5.5 juta ekor sebulan.

Isu kenaikan harga ayam segar di pa-



MOHD Yusof

harga bahan mentah laut seperti ikan, udang dan sotong yang sudah melambung sejak beberapa tahun lalu.

Katanya, keadaan ini perlu di kawal agar memastikan rakyat tidak terus terbe-

sudah berlarutan sejak beberapa bulan lalu dengan penternak memberi alasan kos dedak dan kekurangan pekerja menjadi punca kenaikan.



ISU kenaikan harga ayam segar di pasaran berlarutan sejak beberapa bulan lalu.



ADNAN (kiri) membuat pemeriksaan harga barangan keperluan di Pusat Transformasi Luar Bandar (RTG) Tunjong, Kota Bharu, semalam.

Harga ayam turun bawah RM9 sekilogram

Kota Bharu: Harga barangan keperluan seperti bahan sayur-sayuran dan ayam di Kelantan mula menunjukkan trend penurunan.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) negeri, Adnan Abd Rahman berkata, jika tiga minggu lalu harga ayam dijual melebihi RM9 hingga RM10 sekilogram, namun sejak beberapa hari lalu harga turun di bawah paras RM9 sekilogram.

Beliau berkata, pemantauan pihaknya mendapati harga sayur-sayuran di negeri itu turun hasil daripada penguatkuasaan pihak kerajaan. "Kami mendapati peniaga terutama di pasar basah di

sementara ini. Beliau berkata, kawalan harga membabitkan 12 barangan ditetapkan harga siling termasuk ayam, telur ayam dan beberapa jenis sayur-sayuran berkuat kuasa mulai 7 hingga 31 Disember ini.